Dahulunya kita menghadapi cabaran dalam mempelbagaikan sumber pendapatan dan terpaksa bergantung kepada pendapatan sedia ada dan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Dahulunya Sarawak seolah-olah akur dengan hakikat bahawa pembangunan dan masa depan Sarawak bergantung kepada kepimpinan di semenanjung yang menentukan masa hadapan kita.

Hari ini, saya boleh katakan bahawa di bawah kerajaan ini, di bawah kepimpinan ini, kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier kita, kepimpinan-kepimpinan barisan kabinet beliau, kita telah berjaya mengubah nasib Sarawak dan nasib anak Sarawak.

Belanjawan ini adalah bukti kuasa tindakan ekonomi. Belanjawan ini juga adalah bukti mengapa kita harus berpandangan jauh dan mempunyai keazaman politik yang tinggi. Ianya juga bukti bahawa rakyat telah membuat pilihan yang tepat apabila memilih GPS dan Yang Amat Berhormat Premier untuk membawa Sarawak ke tahap yang seterusnya.

Pembangunan adalah hak Sarawak, hak rakyat Sarawak. Mereka berhak untuk memiliki ekonomi yang mampan dan mereka juga berhak untuk menikmati dasar yang membela dan menyantuni mereka. Inilah yang telah kita janjikan dan belanjawan ini adalah manifestasi komitmen kita kepada rakyat Sarawak.

Bantuan Pendidikan

Tuan Speaker, saya menyambut baik komitmen Kerajaan Sarawak untuk meneruskan bantuan pembayaran balik 30% pinjaman PTPTN kepada pelajar Sarawak. Inisiatif ini sangat bermakna kepada graduan Sarawak kerana diskaun yang mereka perolehi ini terutamanya untuk golongan muda yang baru mula bekerja, dapatlah mereka menyelesaikan hutang dengan lebih cepat dan mengurangkan komitmen bulanan. Ini akan melengkapkan inisiatif Kerajaan Persekutuan yang memberikan pengecualian pembayaran balik PTPTN kepada graduan yang memperolehi kelas pertama.

Jadi saya juga ingin mencadangkan pada masa yang akan datang Kerajaan Sarawak mungkin boleh membuat tawaran diskaun yang lebih tinggi lagi kepada graduan-graduan yang memperolehi keputusan yang cemerlang ataupun kelas pertama agar ianya dapat memberi motivasi kepada mereka untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh lagi. Insentif baucar buku dan komputer riba percuma juga telah dapat penerimaan yang baik dan memberi manfaat kepada pelajar daripada golongan yang berpendapatan rendah.

Dalam masa yang sama juga saya menyokong penuh bantuan wang saku kepada pelajar Sarawak di universiti dan kolej sebanyak RM1,200. Ini sudah tentu akan membantu golongan-golongan keluarga yang berpendapatan rendah untuk memastikan anak-anak mereka terus fokus kepada pendidikan tanpa memikirkan masalah-masalah *apa nok dimakan sidak anak-anaknya*. Sarawak adalah negeri yang pertama yang menyediakan insentif sedemikian dan ini cerminan komitmen dan keprihatinan kita terhadap keperluan pelajar kita terutamanya dari golongan berpendapatan rendah. Dengan bantuan yang diberikan dalam bentuk wang saku, subsidi tambang penerbangan, diskaun pembayaran balik PTPTN, sudah tentu akan meringankan beban pelajar kita dan di mana kekangan kewangan tidak lagi menjadi penghalang kepada pencapaian akademik.

Inilah komitmen dan strategi kerajaan di GPS dalam memastikan anak-anak Sarawak disediakan platform yang terbaik untuk mereka *excel* dalam bidang pendidikan dan seterusnya berjaya menempatkan diri mereka dalam pekerjaan berpendapatan tinggi dan seterusnya mengubah kehidupan keluarga mereka.

Latihan dan Perindustrian

Tuan Speaker, fokus kita dalam latihan dan perindustrian juga penting untuk kita meningkatkan tenaga kerja dalam usaha dan pendekatan kita untuk mengembangkan ekonomi dan membangunkan industri baharu. Saya mengalu-alukan komitmen dalam menyediakan program latihan melalui CENTEXS. Ini akan meningkatkan keupayaan industri dan kompetensi tenaga kerja kita serta melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk menyertai ekonomi baharu. Melalui peluang yang disediakan dalam ekonomi, rakyat kita, generasi muda boleh mendapatkan pekerjaan yang bergaji tinggi, dan seterusnya meningkatkan taraf hidup dan meningkatkan pendapatan isi rumah.

Pada masa yang sama juga, saya mengalu-alukan penambahbaikan kepada program GETS yang menyediakan peluang kepada anak muda Sarawak untuk didedahkan kepada alam pekerjaan dan menimba pengalaman dunia sebenar pekerjaan terutama dalam perkhidmatan awam. Ini penting, Tuan Speaker, kerana ianya membolehkan penglibatan secara langsung golongan anak muda ini dalam perangkaan dasar yang memberi kesan kepada mereka dan untuk mereka memberi input berharga untuk dasar yang akan datang.

DAP – Anti Pembangunan

Tuan Speaker, semalam saya amat kesal dan terkejut mendengar pandangan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Padungan yang seolah-olah memperkecilkan usaha pembangunan yang kita laksanakan di kawasan luar bandar Sarawak dan hari yang berikutnya memperkecilkan keutuhan ataupun nilai Dewan yang mulia ini. Ianya amat mengecewakan untuk melihat seorang Ahli Yang Berhormat langsung tidak peka terhadap keperluan dan aspirasi penduduk di kawasan luar bandar. Tidak menghormati institusi Dewan yang mulia ini.

Saya ingin menegaskan bahawa pembangunan, termasuk jalan, yang dipertikaikan oleh Yang Berhormat Padungan ini, yang dibina di kawasan luar bandar untuk menghubungkan kawasan-kawasan lain adalah penting dan impak serta manfaat kepada masyarakat tidak seharusnya diperlekehkan. Jadi, saya menggesa Yang Berhormat Padungan *raon seluruh Sarawak, tangga keadaan seluruh Sarawak* sebelum beliau membuat komen-komen yang sebegini. Lihatlah betapa pentingnya untuk kita mempunyai jalan yang baik untuk menghubungkan rakyat dari setiap pelosok Sarawak.

It makes me wonder, adakah ini perjuangan DAP? Adakah beliau iri hati melihat kemajuan dan pembangunan luar bandar yang dibawa oleh Kerajaan GPS? Tidak bersetuju dan memperlekehkan usaha pembangunan yang dilaksanakan untuk kita menaikkan martabat dan maruah masyarakat luar bandar? Adakah ini watak sebenar beliau yang tidak mahu melihat masyarakat luar bandar menikmati pembangunan yang pesat dan mempunyai infrastruktur yang lengkap? Maka mentaliti pemimpin sebeginilah yang telah mengekang pembangunan Sarawak selama ini. Ianya seperti gunting dalam lipatan.

Sekiranya DAP menolak pembangunan, maka kita, rakyat Sarawak, harus menolak DAP dan kita di GPS sentiasa memperjuangkan agenda pembangunan serta transformasi luar bandar. Kita dengar denyut nadi rakyat, memahami isi hati mereka yang mendambakan pembangunan.

Pendapatan Sarawak

Tuan Speaker, the general rule of ensuring our income contribute to the positive economy boils down into three factors:

- (a) How do we consume or how do we spend the income?
- (b) How do we invest our income? and
- (c) The savings of our income.

Ini adalah ketiga-tiga faktor yang ditekankan oleh Kerajaan GPS untuk memastikan *the spending factor* kita *spend* ke arah pembangunan-pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat kita. *The investment factor* kita tekankan kepada *the strategic industries* yang kita yakin di masa akan datang akan membawa pelaburan yang begitu besar sekali untuk negeri kita dan sudah tentu *the saving factor* kita telah membentuk *Sarawak Sovereign Wealth Fund* untuk memastikan kita sentiasa mempunyai *savings* yang akan *generate income* untuk anak-anak kita di masa yang akan datang. Ketiga-tiga faktor inilah yang telah ditekankan Kerajaan GPS demi untuk memastikan masa depan anak kita.

Jadi, tahun ini kita menjangkakan untuk meraih pendapatan RM14 bilion dan ini akan menjadi rekod tertinggi baharu pendapatan Sarawak berbanding RM13.3 bilion pada tahun lepas. Ini akan membolehkan lagi kita fokus kepada *the first factor which is to consume and to develop* Sarawak menggunakan peruntukan kita yang lebih ini.

Tidak dinafikan juga, sementara ada yang mengagumi dan menyambut baik kejayaan kita ini, ada juga yang iri hati. Ada yang mencadangkan Sarawak membantu negeri-negeri lain di Malaysia kerana kita sudah mempunyai pendapatan yang tinggi. Sarawak bukanlah Kerajaan Persekutuan dan bukanlah tanggungjawab kita untuk membantu negeri-negeri ini. *Charity starts at home*. Tanggungjawab kita adalah untuk membangunkan Sarawak dan membela nasib rakyat Sarawak.

Malah, kita juga memerlukan Kerajaan Persekutuan untuk memenuhi tanggungjawab mereka membangunkan Sarawak dalam perkara yang termaktub di bawah senarai persekutuan. Kita sedar bahawa kita masih memerlukan pembangunan yang lebih rancak lagi daripada dulu. Maka sebab itulah kepimpinan GPS mengambil keputusan untuk menggunakan dana kita sendiri untuk melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab yang sepatutnya menjadi tanggungjawab Persekutuan. Kononnya *our resources* adalah *resources* negara juga. Pendapatan Sarawak adalah perlu dikongsi dengan negara. Tetapi *when it comes to* pembangunan Sarawak dalam perancangan Kerajaan Persekutuan, ianya tidaklah selari ataupun adil jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

Sumber Sarawak

Tuan Speaker, *the resources of Sarawak* selama ini telah menanggung Kerajaan Persekutuan. Persoalannya, di manakah wang itu dibelanjakan? Dan ada yang bijak pandai di luar sana juga cuba menjaja naratif bahawa rakyat Malaysia mempunyai hak untuk berkongsi sumber negara. Mereka mengatakan bahawa sumber Sarawak bukan milik Sarawak, tetapi milik bersama. Mengatakan bahawa Sarawak hanya mementingkan diri sendiri dalam usaha kita untuk melindungi hak dan kepentingan Sarawak. Hakikatnya, Malaysia diasaskan atas konsep kemakmuran bersama tetapi bagaimana kita boleh makmur jika sumber yang kita hasilkan telah disalahgunakan dan tidak diagihkan secara seimbang?

Saya ambil contoh Tuan Speaker, sebelum ini *gas aggregator* dimiliki penuh oleh PETRONAS dan ketika itu apabila industri Sarawak memerlukan gas untuk kita membangunkan industri Sarawak amat sukar bagi kita untuk mendapatkan bekalan gas daripada PETRONAS dan sumber-sumber gas yang dihasilkan di Semenanjung, 90% digunakan di Semenanjung. Manakala di Sarawak pula amat sukar bagi kita hendak menggunakan gas tersebut untuk membangunkan industri-industri kita. Jadi dimanakah keadilannya di sini, Tuan Speaker?

Jika ianya diagihkan dengan adil, maka tidak perlulah kita bersusah payah mengharungi perit getir untuk kita membangunkan Sarawak ke tahap yang telah kita capai. Jika ianya dibahagikan sebaiknya, tidaklah kita melihat keadaan Sarawak sedikit ketinggalan seperti 5, 6 tahun lepas. Oleh itu, kita mesti mengembalikan hak kita dan memastikan kepentingan Sarawak kekal dilindungi supaya rakyat dapat menikmati limpahan daripada sumber yang kita miliki.

Perwakilan di Parlimen

Tuan Speaker, bagi isu 35% *representation* dalam Dewan Rakyat kita mempunyai asas undang-undang yang begitu kukuh seperti termaktub dalam Laporan Cobbold Commission dan IGC dan ianya harus kita laksanakan. Saya akan berkongsi salah satu *approach* yang saya rasa memperkuat lagi tuntutan kita iaitu *the constitutional safeguard* – iaitu pelindung bagi melindungi hak serta keistimewaaan Sarawak. Konsep *safeguard* ini dalam Laporan Cobbold Comisison, IGC dan MA63 telah pun ditegaskan oleh mahkamah dalam keputusan-keputusan dalam kes-kes sebelum ini, Tuan Speaker. Saya ambil contoh, bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Azmi dalam keputusan beliau mengadili kes Datuk Tufail bin Mahmud verses Ting Check Sii (2009) di Mahkamah Persekutuan menegaskan dan saya petik, “*Safeguards and assurances provided to Sarawak were critical and pivotal to secure the participation of Sarawak in the formation of Malaysia.*”

“The Cobbold Commission was created to ascertain the views of the people of the Borneo States. The report showed that the people had fears of substitution of one colonisation with another; fear of being taken over by the then Federation of Malaya; fears of the submersion of the individualities of North Borneo and Sarawak within the then Federation of Malaya.”

Ini adalah keputusan mahkamah, Tuan Speaker. Kes yang kedua, kes *Fun Fong Chen vs Malaysia Government (2012)*, hakim David Wong dalam keputusan beliau menyebut dan saya petik, “*The purpose of this Inter-Government Committee was to ensure certain safeguards were accorded to North Borneo and Sarawak. These safeguards are conditions precedent for the peoples of North Borneo and Sarawak in the formation of Malaysia*”.

Kes yang ketiga, *Robert Linggi vs Malaysia Government*, hakim mengulangi keputusan kes Datuk Tufail bin Mahmud dan seterusnya mengatakan dan saya petik sekali lagi, “*It is clear that the apex court in Malaysia has treated the Malaysia agreement and the recommendations of the IGC Report as a binding agreement which should not be contravened without the consent of the two states*”.

Jadi dengan ini tuntutan Kerajaan Sarawak untuk satu pertiga kerusi parlimen bukan sahaja mempunyai asas sejarah dan undang-undang, tetapi ada juga *precedent-precedent* dalam kes sebelum ini yang jelas menyebut *constitutional safeguards*. Maka ia bukan sahaja perlu dihormati dan difahami tetapi ianya harus dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan *in good faith*, tanpa ada selindung atau motif untuk menidakkan hak dan keistimewaaan Sarawak.

Kita sedar untuk memastikan a *fair representation*, kawasan yang perlu dibahagikan melihat kepada density penduduk, tetapi saya mengesyorkan kepada SPR untuk melihat juga *the size, the remote region with scattered population* macam Ulu Baram, Belaga dan Ulu Rajang. Kalau kita fokus kepada *density* penduduk maka rugilah penduduk-penduduk kawasan ini tidak mempunyai a *fair representation*, Tuan Speaker.

Belanjawan ini telah mencerminkan kejayaan yang telah kita kecapai dalam tempoh beberapa tahun yang singkat. Melalui pendekatan kita dalam menjana pendapatan dan pelaksanaan dasar ekonomi Sarawak, kita berjaya membawa Sarawak ke tahap pembangunan yang memenuhi aspirasi rakyat.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang sentiasa responsif kepada aduan, kepada cadangan, kepada permohonan rakyat di kawasan DUN N.6 Tupong. Saya banyak menerima aduan-aduan dan kita sampaikan kepada agensi-agensi pelaksana dan tindakan yang pantas diambil untuk mengatasi permasalahan-permasalahan ini, kita juga sedar ada permasalahan yang masih dalam pelaksanaan dan mengambil masa untuk dilaksanakan dan kita yakin kerajaan GPS sentiasa menekankan kepada menyelesaikan permasalahan rakyat.

Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan (2025), 2024 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Speaker: Honourable Member for Tanjong Datu.

YB Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan: Terima kasih, Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas berkenaan *Supply (2025) Bill, 2024* ataupun yang dikenali sebagai Belanjawan Sarawak bagi tahun 2025.

Tuan Speaker, I'm quite excited after hearing the YAB Premier's announce that next year's budget will be the largest budget in history, and I hope it continues to expand and grow in the near future. I fully support the budget, which is centred on achieving the four announced goals:

- (a) building a prosperous and equitable society in which no one is left behind;
- (b) improving people's social well-being through people-centric initiatives;
- (c) strengthening government capacity; and
- (d) transforming Sarawak into a developed region and a green hub.

Tuan Speaker, I'd also put on record here to express my heartfelt congratulations to the Sarawak team, led by the Honourable Minister, Member for Asajaya and Deputy Minister, Member from Layar as the *Chief De Mission*, on achieving the overall champion status in SUKMA 2024 that had just recently concluded. Furthermore, I'd like to boast a little by noting that the sports under my purview are the sport of Taekwondo, has earned 11 gold medals. *(Applause)* Thank you.

Tuan Speaker, Sir, I'd like to begin by discussing a few of the strategic thrusts listed by the YAB Premier, beginning with Transforming and Diversifying Sarawak's Economy: Through the Agricultural Sector. My constitution and myself in Tanjong Datu truly appreciate the announcement made by YAB Premier that the State Government is committing as a beginning amounting to RM50 million for land acquisition in Tanjung Purun, which falls under my constituency. Tanjung Purun, I believe, with the right amount of the development in the paddy cultivation scheme will one day become one of the many rice bowls for our state's and contribute to our state food security.

Secondly Tuan Speaker, Sir, by being a board member of the State Farmer's Organization, I am very much happy to be hearing that RM10.9 million will be allocated to strengthen SFO marketing system and improve their facilities as well as a sum of RM4.6 million allocated to strengthen the function of the Area Farmer's Organisation. I believe this will further encourage my team with the Chairmanship of the Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Kota to further develop and enhance our role in the agriculture scene of our beloved state. On top of that, more programs can also be done to improve the youth farmers ability and participation in the agricultural sector.

Education

Tuan Speaker Sir, as the state is committed to improving local technology that aligns with business demands and producing a highly educated workforce, having a strong solid foundation is critical to meeting the needs of high-value industries. However, Sir, I believe that if we are to educate our future Sarawakians, we also have to develop Sarawakians outside the technical sector. I believe that education is not only about graduating and getting a high paying job; education is also about creating and forming a critical thinking and complete human being. Therefore, we should also prioritise the social and cultural aspects of educational progress. We do not wish to create a '*rigid*' atmosphere for future generations so that they can enjoy the growth of being a wholesome person.

Tuan Speaker Sir, as a people's representative and more significantly, as a fellow Sarawakian, I warmly appreciate the new and significant measures aimed at alleviating the financial burden of the rakyat, particularly the low-income groups who are most affected by the rising cost of living. The Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS) provides immediate aid to Sarawakians in need in

demonstrating that we are a caring government for our people. However, Sir, I trust that this selection of aid or distribution of aid given out responsibly.

Saya berharap agar proses pengagihan sumbangan ini boleh dilaksanakan tanpa ada ketirisan dan saya cadangkan di sini kita tingkatkan lagi proses pemutihan dan kemaskini data-data bagi penduduk kita seperti data e-kasih dan data yang lain yang serupa dengannya supaya tidak ada yang tercicir dan tidak ada yang menerima lebih daripada apa yang sepatutnya diterima. Kita tidak mahu lagi menghadapi kes-kes seperti terdapat *duplication of* nama dan lain-lain masalah yang serupa dengannya.

Tuan Speaker Sir, recently my service centre and I had a lab session with various stakeholders including the implementing agencies and from one of the findings in this lab, Daerah Lundu is in need of an Urban Development Project as the future of Lundu being a tourism hub and I hope that the government can propose a comprehensive urban development project which could be inspired by Darul Hana or similar project. The district of Lundu has seen rapid population growth and increasing congestion which led to the rise of informal settlements and out migration. A balance development initiative as implemented in Darul Hana can modernise and beautify our district, addressing housing challenges and improve quality of life for residents.

Additionally, due to the geological conditions around Sungai Batang Kayan and the river mouth, many residences in my constituency are at the risk of soil erosion and will be unable to endure the ground movements in their homes. This might be extremely harmful and damaging to their safety and the safety of their houses. I have worked and had a few meetings with the Department of Irrigation, Sarawak (DID) on this subject and based on our study results, which included a cost-benefit analysis, we conclude that relocation with compensation is the best alternative because the cost of relocation far surpasses the expense of constructing retaining walls and protective structures. With sufficient involvement, engagement and conversation with the *rakyat* on my constituency, I believe that my constituents would be eager to migrate if the correct conditions were fulfilled.

Tuan Speaker, I would like to also express my heartfelt gratitude to the Forest Department of Sarawak for the accreditation of the UNESCO biosphere for the work done in getting recognized. If our initiative is recognized, this prestigious accreditation will raise Lundu's eco-tourism profile while also ensuring the preservation of our valuable natural habitat. This UNESCO accreditation will not only create long-term economic benefits but will also help to safeguard our unique biodiversity and wildlife. For example, our turtle breeding beaches on islands has contributed to the region's distinctive ecological richness. These beaches and islands, which are visited frequently by turtles are only at a few locations throughout Sarawak, and they are national assets that must be protected and nurtured. Protecting these locations will help us to conserve the delicate environment or provide tourists with a rare opportunity to connect with nature responsibly. This initiative aligns seamlessly with Sarawak's PCDS 2030 by supporting biodiversity conservation while strengthening the local economy through eco-tourism.

Tuan Speaker, still on tourism, the latest tourism master plan which was done for Lundu was created five years ago, which was from the year 2015 to 2018, and has now has been six years in 2024 so I hope that the State Government, through the Economic Planning Unit (EPU) and other agencies who are involved, would create a new Lundu District Structural and Tourism Master Plan. I believe if this plan has complete that we can properly locate our projects as well as their sites, to develop them in a more sustainable manner.

Tuan Speaker, under the banner of developing Sarawak into an economic powerhouse and a green hub, the YAB Premier also declared in his budget address that Sarawak will embark on an Aerospace Industry Development Roadmap. I'd like to applaud and thank the State Government for building the Aerospace Academy in CENTEXS Lundu, which will further boost the education landscape in my area. It is not impossible that one day, one anak Tanjong Datu boleh ke angkasa dan menjadi angkasawan negara. Apa kurangnya juga, sekiranya sebuah *flying school and mini*

airstrip dibina di kawasan saya untuk melengkapkan ekosistem penerbangan dan angkasa di wilayah ini.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh di sini sedikit isu-isu yang dekat di hati saya dan serta akar umbi di kawasan. Antaranya adalah pembinaan Hospital Lundu, saya bersama rakan sekerja iaitu Yang Berhormat N.1 Opar, sama-sama dan benar-benar berharap agar Kerajaan Sarawak dan Persekutuan dapat mempertimbangkan untuk membina Hospital Lundu di sebuah tapak yang sudah dikenal pasti dan untuk mencari peruntukan dan memulakan pembinaan. Ini disebabkan Hospital Lundu sering mengalami masalah kepadatan, peralatan-peralatan lama yang tidak dapat digunakan lagi serta kekurangan fasiliti. Ingin saya cadangkan di sini, konsep pusat kanser yang dibangunkan dengan peruntukan pendahuluan daripada Kerajaan Negeri dapat diguna pakai (*apply*) untuk Projek Hospital Lundu ini. Saya percaya dengan adanya hospital baru ini akan memberi kemudahan yang lebih selesa kepada penduduk di Daerah Lundu dan Daerah Kecil Sematan.

Yang kedua, berkenaan tanah perkuburan Islam di Daerah Lundu. Tuan Speaker, saya di sini mengharap agar satu perancangan di buat untuk tanah perkuburan berpusat di kawasan Daerah Lundu bagi ketiga-tiga zon iaitu Sampadi, Lundu dan Sematan. Buat masa ini, sebagai contoh terdapat dua tanah perkuburan Islam di Lundu iaitu Mungguk Along di Kampung Seketi dan Tanah Perkuburan Stunggang berdekatan di Pan Borneo Highway yang semakin lama semakin padat. Begitu juga, tanah perkuburan di Zon Sampadi yang memerlukan kita untuk merentasi tanah persendirian orang lain untuk tiba ke tanah perkuburan kampung yang semakin lama semakin terhakis disebabkan lokasinya yang terletak di tepi sungai. Saya berharap pihak kerajaan terutamanya Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Jabatan Tanah dan Survei dan mana agensi lain yang terlibat untuk melihat sekiranya ada kawasan tanah yang boleh dibangunkan dan bekerjasama dengan pihak Lembaga Amanah Kebajikan Islam Lundu (LAKIL) untuk membangunkan kawasan tanah perkuburan berpusat bagi ketiga-tiga zon ini.

Tuan Speaker, as my argument come to a close, I, as a fellow Sarawakian and as a fellow member of the youth population, I am extremely excited about the efforts and new policies established by the Yang Amat Berhormat Premier that would benefit my generation in the near future. I thank the Yang Amat Berhormat Premier for his foresightedness in laying the groundwork for Sarawak's transition into the greener, more sustainable future.

This is a GPS led administration that is not just a forward-thinking government, but also a pragmatic, practical one that creates policies based on present conditions and requirements. We, the youths in Sarawak should be inspired by the leadership that has been shown by the YAB Premier and the government frontbenchers, and for us youths, there is also no harm in aspiring to be a leader, may not be in politics but in our own respective fields. From the words of the late John Fitzgerald Kennedy, the President of The United States, "*Ask not what your country can do for you but ask what you can do for your country*". With that quote, Sir, I would like to end my speech, and I fully support this Motion. Jaga Sarawak, Intu Sarawak. Oohhaa! Thank you, Sir.

Tuan Speaker: Honourable Member for Balingian.

YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi: Tuan Speaker, terima kasih. Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera, Salam Sarawak maju Makmur dan Salam segulai sejalai.

Kita telah dimaklumkan bahawa pendapatan Sarawak berjaya mencecah RM13.3 bilion yang berakhir pada Disember 2023. Setakat Oktober 2024, kutipan hasil Sarawak adalah berjumlah RM12.2 bilion, satu indikator bahawa Kerajaan Sarawak mampu merangsang semula ekonomi wilayah. Perkembangan ini menjadi satu lagi pencapaian baru dengan mencatatkan kutipan hasil tertinggi dalam sejarah Sarawak dijangka pendapatan tahun ini akan menghampiri angka RM14 bilion melebihi kutipan hasil 2023.

Jadi, this year's budget is the largest ever presented and reflect the government's commitment to advance Sarawak's development. The goal is to create a vibrant and inclusive Sarawak where all residents can enjoy well-being and dignity free from marginalization. While challenge lie ahead, unity and collective effort are emphasized as essential for overcoming obstacle. The government aims to transform challenges into opportunities and encourages everyone to contribute to share goals for a better future for all Sarawakians.

YAB Premier of Sarawak is a visionary leader committed to driving economic growth, infrastructure development and the well-being of the people. Yang Amat Berhormat Premier is also smart in seeing investment opportunities making Sarawak recognised as a high-income region. The World Bank has acknowledged Sarawak as a high-income region, highlighted the state's economic progress and alignment with the development goals. Sarawak reached the World Bank high-income threshold by exceeding the Gross National Income (GNI) per capita benchmark of USD13,205 based on the data verified by the Malaysian Department of Statistics adjusted using the World Bank Atlas Method.

Tuan Speaker, terdapat lapan TERAS yang telah dibentangkan oleh YAB Premier dalam Rang Undang-Undang Perbekalan (2025), 2024.

Teras Pertama: Transformasi dan Diversifikasi Ekonomi Sarawak

Sarawak telah melangkah jauh dalam memperkukuhkan ekonominya. Namun, kita harus terus bersedia untuk pelbagai cabaran global. Dengan mempelbagaikan sektor ekonomi, daripada industri hijau hingga kepada teknologi pertanian, kita dapat mencipta peluang pekerjaan yang lebih banyak dan meningkatkan pendapatan masyarakat.

Teras Kedua: Destinasi Pelaburan Utama dan Membangunkan SME

Sarawak perlu menjadi magnet bagi pelabur. Dengan menyediakan infrastruktur yang sesuai dan insentif bagi pelaburan, serta sokongan yang lebih baik kepada perusahaan kecil dan sederhana, kita dapat menarik lebih banyak lagi pelaburan yang akan memacu pertumbuhan ekonomi tempatan.

Teras Ketiga: Memperkukuhkan Pembangunan Bakat dan Pendidikan

Pendidikan adalah kunci kepada kejayaan masa hadapan. Oleh itu, kita perlu melabur dalam pendidikan, menyediakan kemudahan yang baik dan mendorong kerjasama antara industri dan institusi pendidikan. Kita ingin melahirkan generasi yang bukan sahaja berpendidikan tinggi, tetapi juga mempunyai kemahiran kritikal yang diperlukan oleh pasaran,

Teras Keempat: Accelerating Digital Transformation and Innovation

We cannot be left behind in a world that is becoming more and more digital. In order to enhance public service and offer intelligent solution to the populace, Sarawak must leverage the technology of artificial intelligence and big data. Our ability to compete globally in the social, educational, administration and economic spheres will depend on how quickly we transition to digital technology.

Let me talk about the NGO who contributed to *Teras Keempat: Accelerating Digital Transformation and Innovation*. TEGAS plays a vital code in advancing the digital economy goals set by the Yang Amat Berhormat Premier of Sarawak. By focusing on nurturing digital innovation and fostering an entrepreneurial ecosystem especially among the youths, TEGAS aims to elevate the state's digital landscape. It serves as a robust platform for promoting and empowering digital entrepreneur, particularly early-stage start-ups, enabling them to compete effectively in the market through a variety of tailored programs. These initiatives aligned with the Sarawak Digital Economic Strategy 2012 and 2022 and the Post COVID-19 Development Strategy 2030 (PCDS 2030).

Tuan Speaker, TEGAS is dedicated to support the ecosystem of the digital innovation and entrepreneurship while accelerating the goals of start-ups in Sarawak. Participants, especially youths and start-ups, gain access to co-working space and strategic partners with TEGAS's ecosystem, facilitating the integration of digital technology into their business model. Additionally, TEGAS operates the Digital Village in Kuching and the Digital Innovation Hub in Miri and Bintulu offering facilities such as office suites, meeting rooms, event space and co-working area are all equipped with advanced technology at competitive rental rates.

To foster digital innovation and entrepreneurship across Sarawak, TEGAS has developed various strategies and initiative aimed at ensuring digital inclusivity for young entrepreneurs. This include outreach programs, conducted both online and in-person, targeting diverse communities throughout the state to ensure no one is left behind. TEGAS goal is to facilitate inclusive participation for youth entrepreneurs and start-up.

To promote comprehensive technology adoption, TEGAS has formed partnership with multiple organization, utilizing a public-private partnership approach that includes universities, government entities, corporate business, entrepreneur, investor, and the broader community. Among TEGAS interventions are structural accelerator programs designed to expedite the start-ups growth and enhance investment readiness.

Entrepreneurs are benefit from guidance provided by the industry experts and seasoned business leader, covering critical topics such as business modelling, financial planning, product development, sales strategies, fundraising, and effective pitching technique. In terms of collaboration, TEGAS is committed to gathering input from external stakeholders to enhance the effectiveness of initiative and program. The organization is also open to adjusting and refining its initiative based on feedback, ensuring sustainable benefit for entrepreneur.

Teras Kelima: Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat dan Memastikan Pembangunan Inklusif.

Tuan Speaker, dengan meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan, pendidikan, dan perumahan serta menyediakan perlindungan sosial yang lebih baik, teras ini akan memastikan setiap rakyat Sarawak boleh menikmati pembangunan yang inklusif dan kestabilan jangka panjang.

Teras Keenam: Mempromosikan Kebudayaan, Sukan, dan Memperkasa Belia

Kita harus menjaga dan mempromosikan warisan budaya Sarawak serta memberi sokongan kepada golongan belia melalui sukan dan aktiviti keusahawanan. Ini bukan sahaja dapat menggalakkan semangat perpaduan, tetapi juga memperkukuhkan identiti Sarawak. Budaya kita adalah identiti kita. Bukan macam budaya pembangkang,

Teras Ketujuh: Meningkatkan Kelestarian Alam Sekitar

Dalam usaha memajukan Sarawak, mempromosikan penggunaan sumber yang mampan dan menggalakkan inisiatif hijau, dengan meninggalkan bumi yang lebih baik untuk generasi yang akan datang.

Teras Kelapan: Memperkukuhkan Perkhidmatan Awam dan Keupayaan Kerajaan

Perkhidmatan awam yang cekap adalah tulang belakang kepada pengurusan kerajaan, dan mereka perlu diperlengkapkan dengan keupayaan dan kepakaran yang terkini, serta menggunakan teknologi untuk memperbaiki proses dan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Mewakili rakyat dari kawasan DUN N.58 Balingian, ingin saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier serta barisan pimpinan di atas kejayaan menyediakan dan membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan (2025), 2024.

Tuan Speaker, izinkan saya mengemukakan isu-isu yang dibangkitkan oleh rakyat di kawasan N.58 Balingian untuk diambil perhatian dan tindakan.

Jalan Bukut – Sungai Bawan – RGC Balingian

Cadangan Pembinaan Jalan Bukut – Sungai Bawan – RGC Balingian dapat dimanfaatkan seramai 3,500 penduduk merangkumi 38 buah rumah panjang di bawah pentadbiran Daerah Kecil Balingian. Dengan adanya jalan ini, ianya akan memendekkan masa perjalanan. Projek ini akan memberi manfaat kepada dua DUN, iaitu DUN Kakus dan DUN Balingian. Jadi, secara tidak langsung, ianya akan memudahkan penduduk di kawasan DUN Kakus, seperti Bukut dan Ulu Arip untuk berurusan ke Pejabat Daerah Kecil Balingian atau urusan yang melibatkan pejabat-pejabat kerajaan yang ada di Pekan Balingian.

Jalan Persekutuan Balingian ke Sg. Anak

Jalan Persekutuan Balingian ke Sg. Anak sejak sekian lama dibina, perlu diberi perhatian oleh agensi berkaitan. Kita cadangkan ia harus diselenggarakan dan diteruskan baik pulihnya bagi menghubungkan ke Jalan Pan Borneo demi keperluan rakyat di kawasan tersebut. Pembinaan jalan ini bukan sahaja sebagai jalan alternatif Balingian – Bintulu, malah menjadi jalan utama kepada penduduk di sepanjang laluan tersebut untuk akses kepada jalan pesisir pantai dan juga jalan Lebuhraya Pan Borneo.

Cadangan Penyambungan Benteng Kawalan Hakisan di Kampung Pulat

Projek ini menjadi *missing link* antara tapak Pesta Bederun dan Pekan Lama Balingian. Sekiranya projek ini direalisasikan, ianya akan memberi impak kepada eko pelancongan, sekali gus memulihara kawasan tersebut. Kita mohon status kemajuan projek tersebut daripada agensi yang berkenaan.

Pendaratan Hasil Minyak dan Gas

Pada 30 Mac 2021 yang lalu, PETRONAS telah mengumumkan satu penemuan minyak dan gas baharu di Telaga Carigali *Wildcat* Sirung – 1 dalam Blok SK405B Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC). Penemuan telaga minyak ini terletak di perairan cetek wilayah Balingian. Tidak salah kiranya, kami mencadangkan sekali lagi berkenaan projek pendaratan hasil minyak dan gas di Mateding, untuk dilaksanakan. Zon Industri Mateding adalah lokasi yang dicadangkan yang paling strategik untuk penubuhan projek ini. Pendaratan hasil minyak dan gas ini akan mewujudkan banyak peluang pekerjaan yang baharu untuk dimanfaatkan oleh rakyat dan pemain industri di bahagian Mukah secara keseluruhannya.

Geran Sokongan Aktiviti Pelancongan

Terima kasih daun keladi, tahun depan kalau ada, bagi lagilah oh. Pantun ini khas untuk Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Sarawak di atas kelulusan geran sokongan untuk aktiviti Pesta Bederun Balingian 2024. Ini merencanakan lagi aktiviti pelancongan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi, sosial dan pemeliharaan budaya di DUN N.58 Balingian.

Minimumkan Kesan Industri

Natural Resources and Environment Bill, 2024 yang telah diluluskan dalam Dewan yang mulia ini pada sidang kali ini, diharap ia dapat memperketat dan memperkasakan pemantauan terhadap industri-industri seperti aluminium, kilang sawit dan arang batu yang terdapat di kawasan N.58 Balingian.

Pusat Latihan dan Teknikal

Cadangan untuk menubuhkan institusi latihan dan teknikal bagi memperkasakan bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai contoh Kolej Komuniti, GIATMARA atau institusi latihan yang berkaitan. Ianya berperanan penting sebagai salah satu pemangkin untuk membangunkan bakat berkemahiran demi mencapai matlamat Sarawak yang makmur, inklusif dan mampan.

Tiang dan Kabel Telekomunikasi Tidak Diselenggara

Tuan Speaker, tiang dan kabel telekomunikasi dipenuhi tumbuhan menjalar menyebabkan tiang tumbang membahayakan pengguna jalan raya dan sekitarnya. Beberapa kawasan dikenal pasti di kawasan N.58 Balingian, jalan masuk ke Kampung Seberang, jajaran ke jalan Balingian dan jajaran ke Jalan Kuala Balingian. Kita mohon tindakan daripada agensi yang berkenaan.

Liputan Telekomunikasi

Sejak kebelakangan ini, banyak tempat telah dinaik taraf rangkaian internet terutama sekali di luar bandar. Banyak kawasan yang dahulunya 3G kini telah dinaik taraf ke 4G. Bagaimanapun, perubahan positif ini tidak selari dengan kelajuan internet di kawasan tersebut. Oleh yang demikian, saya menyeru pihak yang berkenaan dapat mengambil inisiatif untuk memantapkan lagi kelajuan internet di kawasan N.58 Balingian.

Naik Taraf Daerah Kecil Balingian

Balingian berkeluasan 3025 km persegi dan telah wujud sebelum Malaysia ditubuhkan. Selaras dengan ini, kita mohon agar Daerah Kecil Balingian dinaik taraf kepada daerah penuh.

Mateding sebagai Bandar Satelit

Kita dimaklumkan perancangan pembangunan Bandar Satelit Mateding ialah Projek Pembangunan Bandar Terancang di Sarawak, di bawah inisiatif Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) dan diuruskan oleh Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA). Bandar satelit ini terletak di Bahagian Mukah dan direka bentuk untuk menyokong aktiviti ekonomi dan perindustrian yang semakin berkembang di rantau ini dengan menyediakan kemudahan kediaman, komersial dan komuniti. Mewakili penduduk kawasan N.58 Balingian, bilakah perancangan ini dapat direalisasikan.

Boutique Hotel

Cadangan pembinaan Boutique Hotel di Balingian telah dipohon. Mohon maklum balas berkenaan status permohonan tersebut daripada agensi berkenaan.

Benteng Hakisan Sungai

Kita memohon agar benteng hakisan sungai dibina di Kampung Sungai Ragei, di Kampung Tutus Hilir, Mukah. Tuan Speaker, isu yang terakhir.

Projek ALAF

Kerajaan Sarawak sejak 2018 telah memperuntukkan bajet tahunan untuk menyediakan bekalan elektrik ke rumah rakyat yang masih belum mendapat kemudahan ini. Namun, kelewatan ini pelaksanaan oleh Sarawak Energy telah menimbulkan kekecewaan, menghalang manfaat pendidikan, ekonomi dan kualiti hidup. Kita mohon penjelasan daripada Sarawak Energy berkenaan kelewatan ini, dan kita berharap dengan adanya peruntukan RM20 juta dari Bajet 2025, akan mempercepatkan pelaksanaan projek yang sudah lama ditunggu oleh rakyat.

Tuan Speaker, terima kasih diucapkan kepada pegawai dan staf Dewan Undangan Sarawak dan semua Perkhidmatan Awam Sarawak dan Persekutuan yang telah bekerja keras bagi menjayakan persidangan kali ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Speaker dan Timbalan Speaker kerana telah mengendalikan perjalanan prosiding Dewan yang mulia ini dengan cemerlang. Sesungguhnya, Kerajaan Sarawak yang ditunjangi GPS berada di landasan yang tepat untuk membawa Sarawak ke arah wilayah berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030. *Nitihka ke jaku Yang Amat Berhormat Premier Nitih Cuan Kitai Empu. Enda pia au.*

Akhir kata, saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada yang meraikannya dan Selamat Tahun Baharu 2025. Dengan itu, saya, DUN Balingian, memohon menyokong sepenuhnya Usul Belanjawan 2025. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Honourable Member for Kota Sentosa.

YB Encik Yap Yau Sin: Thank you for the opportunity to participate in the debate of the Supply (2025) Bill, 2024. Kudos to the Yang Amat Berhormat Premier, Honourable Member for Gedong, for tabling the surplus Sarawak Budget for 2025, the largest in this regions' history with the focus on infrastructure, investment and the people's well-being.

The 2025 Sarawak Budget sees an increase of RM2.2 billion or 16% from RM13.6 billion where RM4.9 billion would be allocated for operating expenditure while RM8.8 billion would be for development. With the projected revenue of RM14.2 billion and total ordinary expenditure of RM13.7 billion, the 2025 Budget is expected to generate a surplus of RM486 million. This is the biggest development budget in the history of Sarawak which underscores Sarawak's strategic focus on fostering diversified and robust economic development where no Sarawakians will be left behind.

Tuan Speaker, the 2025 Budget renews and reaffirms Sarawak Government's commitment to championing the welfare of the *rakyat* through targeted measures aimed at alleviating the financial burdens of low and middle-income groups and continuing to implement vital people-centric programmes, projects and sustainable development goals. It is a budget designed for an inclusive and prosperous Sarawak where every Sarawakian has equitable access to opportunities and resources to thrive. An economy that is growing, creating wealth and opportunity for all is the only way to improve living standards.

Tuan Speaker, housing affordability continues to be a grave concern to average Sarawakians and it appears that the supply of affordable housing is insufficient. Income, property price, land cost and demand and supply are significant factors affecting housing affordability. There is therefore a need for the Sarawak Government to pay more attention to housing needs of middle-income groups. Three major issues that contribute to housing affordability include a mismatch between housing supply and demand, new construction that is biased into unaffordable ranges, house price increases that surpass household income growth. Lack of affordable housing can make low-cost labour scarce and increase demands on transportation systems as workers have to travel longer distances between jobs and affordable housing.

Tuan Speaker, there is a lack of affordable housing in urban areas including in Kota Sentosa where housing prices are high. I urge this Government to review its current affordable housing policy to ensure adequate supply and timely delivery of affordable housing in urban areas where most economic activities are found. On behalf of the communities of Kota Sentosa, I appeal to the Sarawak Government for the implementation of an affordable housing scheme of at least 500 units in the constituency of Kota Sentosa.

Tuan Speaker, the allocation under Budget 2025 of RM1.42 billion under alternative funding for the Kuching Urban Transportation System (KUTS) project is far-sighted as it will transform Sarawak's public transport system by providing a seamless smart transportation system which enhance connectivity. The usage of hydrogen as a fuel for this project will not only promote energy growth but also contribute to environmental sustainability by reducing carbon emissions. This is also

in line with Sarawak's pledge to drive green mobility and support the global endeavour to achieve Nett Zero Emission by 2050.

Contrary to the observations made by the Member for Padungan who had in this august House spoken on the failure of some hydrogen transit buses projects, he is not here in this Dewan now, despite common universal knowledge that fossil fuels are a fast depleting and finite resource. Simple economics. As oil and gas runs out, it will progressively get more and more expensive. As such, governments all over the world are already putting in place policies for promoting usage of alternative fuels. Sarawak already have a detailed roadmap to make our region a premier green hydrogen production hub using renewable energy and it is only prudent and logical that Sarawak uses its own locally produced green hydrogen as an alternative fuel for public transportation. I urge the Sarawak Government to continue with its resolve to use green hydrogen as an alternative fuel to replace fossil fuels in public transportation. Let us think long-term. Where others have failed, let us succeed.

Tuan Speaker, I now turn to public services. The Sarawak Government must remain steadfast in its commitment to transform and improve the public service delivery to meet the higher expectations of the *rakyat*. The Sarawak Government has allocated RM18.5 million to fund training and development initiatives, aimed at fostering a high-performance culture within the State Civil Service. The initiatives would target various levels within the civil service, starting with competency-based training for support staff to enhance their skills and expertise.

The Sarawak Government must continue its efforts to enhance the quality of the public sector by investing in the development of human capital, accelerating digitalisation, emphasising on good governance, and enhancing budgeting and project management. This is because there still exists issues and challenges affecting the civil service in governance, human capital, digitalisation, and budget and project management. The Sarawak Government must be resolute to rebuild trust, and strengthen integrity and transparency, a standard of governance on leadership and decision-making will be refined to instil the values of sustainability, prosperity, innovation, respect, trust and compassion.

Tuan Speaker, moving forward, good governance principles such as accountability, transparency and inclusivity must be further emphasised in ensuring public services are delivered with higher integrity. Focus also must be given in developing agile human capital that aims to equip civil servants with imperative knowledge and capabilities to deliver high-quality and efficient public services. Furthermore, adoption of digital technologies and innovative solutions will drive a more seamless and accessible public service delivery experience to the *rakyat*. Something which is lacking.

The institutional and business framework must also be strengthened to enhance the efficiency of public service. The government must improve the effectiveness and efficiency of budget and project management to optimise resource allocation and achieve development outcomes. The government already have policies, regulations and guidelines to prevent and eradicate prevalent bureaucratic politics and recalcitrant culture to enhance the public service delivery in providing exceptional services to the *rakyat*. The way to improve public services is not always encouragement through more allocation or through more people. The Sarawak Government comprising Ministers and Deputy Ministers who are Members from this august House need to administer them more efficiently. Enforcement of such policies will go a long way towards a *rakyat* oriented work culture delivering excellent service through high performance teamwork.

Tuan Speaker, the Sarawak Gas Roadmap was launched in 2019 to harness our natural gas resources to drive socio-economic transformation. The roadmap focused on maximising the domestic utilisation of natural gas through gas-based infrastructure development and promoting industrial growth with value added activities. PETROS was appointed as Sarawak's Gas Aggregator under the Distribution of Gas Ordinance, 2016. However, it is very unfortunate that the Sarawak Government, through Petroleum Sarawak Berhad (PETROS), is still in technical discussions with Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) to ensure compliance with all requirements under the

Distribution of Gas Ordinance, 2016. The Sarawak Government must demand immediate full compliance of the provisions of the Distribution of Gas Ordinance by Petronas as the continued growth of Sarawak's economy requires availability of natural gas as fuel for power generation, commercial industries and industrial feedstock. The Sarawak Government through PETROS must be prepared to enforce its legal rights under the Distribution of Gas Ordinance, 2016 with court proceedings, if necessary, for an injunction and even damages against PETRONAS for non-compliance of the Distribution of Gas Ordinance, 2016.

Tuan Speaker, in conclusion, Kota Sentosa fully supports the Supply (2025) Bill, 2024 because it is testament to GPS's strong commitment to build a better Sarawak that is vibrant and inclusive, fair and thriving, resilient, harmonious and united. GPS have shown time and time again that it is a caring and responsible government and that it can be trusted to build a better Sarawak. Thank you.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, we have a lunch break. Sitting resumes at 2.30 p.m.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.57 tengah hari)

(Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.40 petang)

[Timbalan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita teruskan perbahasan tengah hari ini. Dipersilakan Yang Berhormat Kalaka.

YB Tuan Haji Mohamad bin Duri: Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Sarawakku sayang dan Salam Sarawak Maju Makmur, Salam *Segulai Sejalai*. Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2025), 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baharu Sarawak pada 11 November yang lepas.

Tuan Speaker, syukur alhamdulillah kita di Sarawak amat beruntung kerana dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg yang berpandangan jauh, mempertahankan hak-hak Sarawak demi kelangsungan pembangunan dan rakyat di negeri ini. Kebijaksanaan barisan para pemimpin di Sarawak yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Premier dalam kejayaan mencorak pembangunan dan ekonomi di negeri ini lebih menguntungkan kita, dapat meningkatkan taraf kehidupan rakyat, dan keadaan ini dapat dicapai disebabkan wujudnya kepimpinan negeri yang berpandangan jauh dan bijaksana. Buktinya, dengan peruntukan bajet berjumlah RM15.8 bilion, belanjawan yang telah dibentangkan Yang Amat Berhormat Premier baru-baru ini adalah yang terbesar dalam sejarah Sarawak yang bertemakan '*Membangun Masa Depan Yang Makmur Bersama*'. Belanjawan Sarawak 2025 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier ini disifatkan sebagai bajet yang komprehensif. Bajet yang dibentangkan itu mencerminkan kebijaksanaan Kerajaan Sarawak dalam menguruskan perbelanjaan negeri yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan tahunan negeri Sarawak. Bajet ini bukan sahaja mencatat peningkatan 16% berbanding tahun sebelumnya, tetapi turut menekankan pembangunan ekonomi, perkhidmatan awam, serta kesejahteraan rakyat Sarawak. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier atas sifat inklusif belanjawan ini yang bertujuan menyediakan peluang dan sumber yang sama rata untuk semua rakyat Sarawak. Belanjawan tersebut mencerminkan nilai teras Gabungan Parti Sarawak (GPS), memastikan tiada kumpulan etnik yang terpinggir.

Tuan Speaker, izinkan saya terus menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan rakyat dan kawasan yang saya wakili dan saya kasihi, iaitu N.38 Kalaka.

Kemudahan Asas

Tuan Speaker, Sarawak disasarkan menjadi wilayah maju menjelang tahun 2030 dan sesuai dengan status tersebut, semua isu berkaitan kemudahan asas harus diselesaikan termasuk di kawasan DUN N.33 Kalaka. Dalam erti kata lain, semua kampung atau rumah panjang sudah dihubungi dengan jalan raya berturap, semua kampung dan rumah panjang juak ada bekalan elektrik 24 jam dan air terawat, semua kampung sudah rumah panjang dah ada liputan internet yang baik.

Tuan Speaker, projek pembinaan jalan Kampung Kupang ke simpang jalan Bajau telah memperuntukkan kos berjumlah RM113 juta. Selepas taklimat tender pembinaan jalan terbabit diadakan pada 11 Jun 2024, KKDW berhasrat untuk meneruskan projek berkenaan dengan peruntukan RM113 juta, iaitu lebih besar berbanding kos asal RM90 juta. Ia sekali gus merupakan satu perkhabaran yang gembira buat penduduk kampung Kupang serta rumah-rumah panjang di sepanjang laluan tersebut. Namun begitu, begitu juga pembinaan jalan Paloh-Perpat sejauh 14 kilometer (KM) dengan rakyat di kedua-dua kawasan terbabit telah menunggu sekian lama untuk melihat jalan tersebut diturap. Soalan saya, bilakah sasaran kerajaan untuk jalan Bajau-Kupang dan Perpat-Paloh mula dibina memandangkan penduduk telah menunggu sekian lama? Dan bilakah agaknya lantikan kontraktor bagi projek tersebut akan bermula?

Satu lagi projek melibatkan pembinaan jambatan Sungai Krian menyeberangi Tanjung Kalimah yang bakal menghubungkan Saratok dengan kampung Kupang dan Rumah Rengan Selambong, Rumah Anau, Rumah Ambang Entebu, Rumah Ganing dan Rumah Rabiah Tanjung Ara. Mohon disegerakan pelaksanaan tender bagi pembinaan jambatan ini. Saya berharap semua projek yang telah diluluskan serta sudah ditender mohon dipercepatkan pembinaannya agar rakyat akan mendapat manfaat daripada projek terbabit.

Bekalan Air Terawat

Saya mohon pihak Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) dan *Ministry Utility and Telecommunication* untuk menyiapkan projek bekalan air kepada Kampung Kaba, kawasan rumah panjang di Lubok Nibong, Rumah Galing, Rumah Rawing dan Rumah Mujah; kawasan Kali Kaba, rumah Siti Belanda dan Rumah Christopher; dan Kampung Perpat Hulu, Tengah dan Hilir serta Kampung Paloh.

Hakisan Tanah Kampung Melango

Tuan Speaker, hakisan tanah di tebingan sungai dekat Kampung Melango, Saratok sekali lagi saya utarakan di Dewan yang mulia ini. Ia perlu diberikan perhatian yang serius memandangkan terdapat banyak struktur tebing yang semakin terhakis. Kejadian hakisan tanah di kampung Melango melibatkan lima buah kampung, iaitu bermula dari Kampung Pagan di hilir sehingga ke anak Sungai Melango telah berlaku sejak tahun 2015. Beberapa langkah telah diambil pihak kerajaan bagi membendung kejadian hakisan tanah tersebut. Namun ia masih belum menunjukkan hakisan ini dapat diatasi dengan cara yang berkesan. Untuk makluman Tuan Speaker, telah berlaku kejadian di mana tiga buah rumah sudah dibawa hakisan tanah ke dasar sungai Batang Krian. Jumlah penduduk yang terkesan teruk oleh hakisan tanah di Kampung Melango, iaitu dari Kampung Melango Hilir berjumlah 12 buah rumah dengan 35 isi rumah. Di Kampung Melango Lama Hulu, 11 buah rumah dengan jumlah isi rumah seramai 55 orang. Manakala di Kampung Melango Lama Tengah, jumlah rumah 15 buah dan jumlah isi rumah berjumlah 48 orang. Kampung Pagan juga jumlah rumah adalah tiga buah jumlah isi rumahnya 10 orang, Kampung Pagan jumlah rumah enam buah dan jumlah isi rumahnya 20 orang. Sebanyak 48 rumah yang mengalami hakisan yang teruk perlu segera dipindahkan ke Skim Pembesaran Kampung Pagan (SPK), Pagan yang melibatkan seramai 161 orang isi rumah.

Tuan Speaker, saya mencadangkan supaya kerajaan memindahkan 47 ketua isi rumah dan ketua keluarga (*extended family*) ini ke SPK Pagan dengan seberapa kadar segera. Memandangkan kawasan Kampung Melango yang terjejas teruk oleh hakisan saya juga mencadangkan supaya

keseluruhan ketua isi rumah termasuk *extended family* ini yang duduk di tepi Batang Krian yang melibatkan lima kampung dipindahkan kesemuanya ke SPK Pagan melalui kaedah *urban* dan *renewal*. Selepas pemindahan tersebut, kerajaan untuk membuat projek penahan hakisan tebingan Sungai Krian di sepanjang kawasan yang terjejas. Tindakan yang wajar perlu dilakukan untuk mengatasi serta mencegah hakisan daripada terus berlaku, sebelum ia menjadi lebih buruk.

Tuan Speaker, tindakan segera perlu diambil bagi mengatasi masalah hakisan tersebut yang juga berlaku di Kampung Hilir Kupang dalam kawasan DUN Kalaka seperti yang telah dilaporkan penduduk pada April lalu. Punca utama masalah hakisan tersebut berkemungkinan berpunca daripada pelbagai faktor yang perlu dikaji dan diteliti oleh pihak berkuasa. Saya telah meminta agensi berkaitan membuat siasatan di tapak berlakunya hakisan dan saya juga memohon tindakan dengan kadar segera dalam mencari penyelesaian terbaik untuk mengatasi hakisan sungai yang berlaku di Kampung Kupang Hilir. Ini memandangkan jalan yang digunakan oleh penduduk terlalu dekat dengan kawasan hakisan dan dibimbangi terus merebak jika tiada tindakan diambil. Ia sekali gus membabitkan keselamatan awam terutamanya penduduk kampung tersebut.

Blackout

Tuan Speaker, isu gangguan bekalan elektrik atau lebih sesuai disebut *blackout* semakin menjadi-jadi berlaku di kawasan DUN N.38 Kalaka dan ini sekali gus menjadi igauan ngeri dan menimbulkan kegusaran kepada penduduk setempat.

Untuk mengatasi masalah *blackout* di Saratok, Roban, Kaba, Perpat dan Lubok Nibong adalah dicadangkan untuk membina satu talian penghantaran terus 33KV ke Saratok daripada *substation* 132KV di Serudit bagi mengatasi masalah kekerapan *blackout* di Pekan Saratok, perumahan dan kampung-kampung di Saratok.

Kedua, membina sebuah *substation* di Roban bagi mengatasi kekerapan *blackout* di Pekan Roban, Kampung Melayu Roban termasuk di sekitar rumah panjang terus ke Kabong dan kawasan Krian.

Ucapan jutaan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dan Timbalan Premier kerana telah meluluskan projek membina talian 33KV daripada Kampung Kaba ke simpang Nyabor di bawah Agensi Pembangunan Bahagian Betong (BDDA). Projek ini bukan sahaja menyelamatkan tujuh buah kampung termasuk di kampung Perpat, Kaba, Paloh; tujuh buah rumah panjang di Lubok Nibong dan Kali Kaba daripada bergelap selama empat hari tiga malam kerana terputus bekalan elektrik. Sumber bekalan semasa kejadian tersebut adalah daripada *substation* di Pusa dan apabila pembinaan 33KV *overhead line* ini siap, *backup supply* adalah daripada 33KV *substation* daripada Sarikei.

Jalur Lebar

Tuan Speaker, masalah perkhidmatan jalur lebar terus menjadi keresahan penduduk di kawasan DUN N.38 Kalaka. Meskipun sesetengah kawasan telah dilengkapi dengan kemudahan komunikasi dan internet namun rangkaian akses untuk kemudahan tersebut berada pada tahap yang agak lemah. Tidak dinafikan memang banyak tempat yang tiada liputan internet langsung dan boleh dikatakan setengah daripada kawasan kampung-kampung, perumahan, rumah panjang lebih-lebih lagi berada di kawasan yang tinggi di mana capaian Internet berada di tahap yang tidak memuaskan.

Saya percaya Kerajaan Sarawak tetap dalam usaha yang komited dan komited untuk melengkapkan kawasan di luar bandar dengan capaian internet yang bukan sahaja memberikan manfaat yang positif kepada penduduk tetapi juga menjadi pelengkap kepada pembangunan infrastruktur. Hasil kajian menggunakan NAPA (*Network Planning Analytic*) telah menunjukkan bahawa 70% pengguna di kawasan DUN N.38 Kalaka menggunakan perkhidmatan Telco Celcom Digi, manakala 24% menggunakan Maxis dan seterusnya yang lain.

Kita berterima kasih kepada Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi (MUT) Sarawak kerana telah bekerja keras membina banyak menara bagi memberikan kemudahan rangkaian telekomunikasi serta capaian internet. Namun masih terdapat kawasan yang berasa dalam liputan yang tidak baik dan berada dalam *blind spot*. Oleh yang demikian, saya dengan izin mencadangkan beberapa kawasan yang memerlukan perhatian pihak MUT terutamanya di Pekan Saratok.

Saya mencadangkan agar;

- (a) Dibina menara baharu di *latitude* 1.736 dan *longitude* 11.3 bagi menambah baik liputan internet daripada *tower* yang sedia ada;
- (b) Mempertimbangkan membina menara *lamp pole* untuk menambah baik liputan di kawasan Kampung Melango;
- (c) Membentuk semula rangkaian peralatan di tapak *tower* yang sedia ada untuk meningkatkan kapasiti pengguna di kawasan tersebut;
- (d) Cadangan saya yang seterusnya, adalah pihak MUT untuk membina *tower* yang baharu di simpang Saratok bagi menyelesaikan masalah *blind spot* tersebut; dan
- (e) Bagi kawasan Roban, saya mencadangkan sebuah *tower* dibina di kedudukan latitud 1.8 dan longitud 11.28 bagi mengatasi masalah kekurangan *coverage* di kawasan tersebut.

Tingkatkan Peruntukan RTP

Tuan Speaker, peruntukan Projek Transformasi Luar Bandar (RTP) terutamanya di kawasan luar bandar Negeri Sarawak perlu ditingkatkan bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan infrastruktur di kawasan sasaran. Projek RTP menjadi instrumen penting kepada pembangunan yang berterusan di kawasan luar bandar, justeru memerlukan peruntukan yang lebih banyak.

Oleh itu, saya dengan izin memohon kepada kerajaan supaya peruntukan RTP bagi kawasan luar bandar ditingkatkan daripada RM5 juta kepada RM10 juta bagi tempoh satu tahun. Ini disebabkan peningkatan drastik bagi kos pelaksanaan projek yang merangkumi kenaikan kos bahan dan juga kenaikan kadar upah pekerja binaan. Bagi memastikan pelaksanaan projek RTP ini berjalan dengan lancar, setiap agensi pelaksana seharusnya mempunyai pegawai teknikal yang khusus bagi tujuan pemantauan dan pelaksanaan projek RTP.

SMART Meter

Saya mohon untuk berkongsi mengenai kelebihan menggunakan *SMART Meter* yang ditukar oleh pihak SESCO secara percuma memandangkan isu ini telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Pending. Saya bawa *template meter* untuk menunjukkan kelebihan *SMART Meter*. *SMART Meter* memberi;

- (a) Bacaan meter yang *accurate* dan *timely billing*, maknanya tidak ada lagi *estimate reading*;
- (b) *SMART Meter* boleh dibaca dengan jarak yang jauh. Remote meter reading;
- (c) Faster Outage Detection. Dengan adanya pemasangan *advance metering infa* menggunakan radio frekuensi (RF) maka, semua kelebihan *SMART Meter* ini dapat dicapai; dan
- (d) *Enhanced power quality*.

Jadi untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Pending, *SMART Meter* adalah *smart*, orang akan mencari orang yang *smart*, macam jiran di sebelah saya, *looking smart*. Jadi maknanya *SMART Meter* ini, kita boleh memantau penggunaan elektrik secara *hourly* dan *SMART*

Meter dengan adanya pemasangan alat AMI tersebut, kita boleh *detect voltage* yang masuk ke rumah sama ada ianya tinggi ataupun rendah tanpa kita memberitahu SESCO yang mana SESCO akan bertindak bagi menyelamatkan rumah kita daripada malapetaka. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Seri Utiliti dan Telekomunikasi dan ingin menyarankan agar Ahli Yang Berhormat Pending, rajin-rajinlah melayari *website* sebcares.sarawakenergy.com.my, “*ketek ajak*” semua maklumat dan permasalahan boleh diselesaikan. Dahlah masang *meter free*.

Kolej Vokasional Pertanian Pertama di Sarawak

Tuan Speaker, Kerajaan Persekutuan melalui JPN mempunyai cadangan untuk mewujudkan Kolej Vokasional Pertanian pertama di Sarawak iaitu di Kampung Kaba dalam kawasan DUN N.38 Kalaka. Tapak cadangan bagi membangunkan kolej itu telah dikenal pasti di atas tanah seluas 60 ekar, iaitu bersebelahan dengan jalan jajaran utama kedua (*second link trunk road*) di Kampung Kaba.

Bagi saya, ia merupakan langkah kerajaan yang sangat bagus untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran terutamanya di kawasan luar bandar negeri Sarawak sekali gus melahirkan generasi baharu yang pakar dalam bidang pertanian. Pertanian dengan teknologi canggih sedang diperhebatkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan tujuannya untuk meningkatkan pengeluaran kualiti tanaman yang diperlukan untuk menjadikan Sarawak sebagai pengeluar makanan utama.

Justeru, soalan saya, bilakah pembinaannya dapat dilaksanakan dan adakah kerajaan bercadang menawarkan bidang-bidang yang dapat melahirkan tenaga mahir yang diperlukan Sarawak pada masa depan dan bukannya kursus-kursus yang konvensional? Saya difahamkan di Malaysia, ada lima Kolej Vokasional Pertanian iaitu di Chenor Pahang, Teluk Intan di Perak serta tiga lagi di Sabah, Selangor dan Negeri Sembilan.

Timbalan Speaker: Sila gulung, Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Mohamad bin Duri: Terima kasih. Demikianlah beberapa cadangan dan isu yang sempat saya nyatakan dan mohon diberikan perhatian dan tindakan bagi memenuhi aspirasi rakyat khususnya di kawasan luar bandar selaras dengan *target* dan sasaran belanjawan 2025. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada agensi kerajaan negeri dan persekutuan yang telah berjaya melaksanakan projek pembangunan sepanjang tahun 2024 ini. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Premier yang memberi penekanan kepada pembangunan luar bandar pada pembentangan Bajet 2025 ini. Semoga niat dan urusan kita dipermudahkan oleh Allah S.W.T. untuk memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat selari dengan slogan Utamakan Sarawak. Tidak lupa ucapan tahniah juga diucapkan kepada Tuan Speaker kerana telah mengendalikan sidang DUN kali ini dengan jayanya.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada rakan-rakan yang beragama Kristian di seluruh negeri Sarawak dan Malaysia dan Selamat Menyambut Tahun Baru 2025 kepada semua. Dengan ini, sukacitanya, Kalaka menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan (2025), 2024. Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Jepak.

YB Encik Iskandar bin Turkee: Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Ibu Pertiwi, Salam Sarawakku Sayang, dan Salam Sarawak Maju Makmur. Terima kasih, Tuan Speaker yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahas Rang Undang-Undang Perbekalan (2025), 2024.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada kesempatan ini, Dewan yang mulia ini, saya dan warga DUN Jepak merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak dan

barisan kepimpinan GPS di atas kejayaan mencatat pendapatan sebanyak RM12.2 bilion sehingga Oktober 2024 dan dijangka mencapai RM14 bilion bagi tahun 2024.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Sarawak memperuntukkan RM15.8 bilion dalam Belanjawan Negeri 2025 yang dibentangkan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg pada persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak. Belanjawan akan bertindak sebagai pengembangan belanjawan yang antara lain untuk merencanakan perbelanjaan kerajaan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negeri yang lebih mampan.

Bertemakan "*Bersama Membina Masa Depan yang Sejahtera*", belanjawan itu akan memperuntukkan sebanyak RM10.9 bilion bagi tujuan pembangunan, manakala RM4.9 bilion bagi perbelanjaan mengurus. Ternyata, bahawa Belanjawan Negeri 2025 kekal memberi fokus kepada aspek pembangunan luar bandar, projek berimpak tinggi di samping membantu mengurangkan kos sara hidup dengan mengurangkan bebanan kewangan golongan berpendapatan rendah dan sederhana, membuat pelaburan bersasar serta terus melaksanakan program dan projek penting untuk manfaat rakyat.

Oleh itu, adalah penting untuk kita mengutamakan perbelanjaan bagi aktiviti produktif berimpak tinggi di samping memastikan program dan projek dilaksanakan dengan cekap. Malah, belanjawan kali ini juga dijangka dapat menjana pendapatan sebanyak RM14.2 bilion dengan lebihan berjumlah RM486 juta. Belanjawan 2025 yang dibentangkan kali ini adalah yang terbesar pernah dibentangkan dalam persidangan DUN Sarawak yang meletakkan pelaburan besar dalam pembangunan infrastruktur di samping kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan.

Pengumuman Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS) sebagai inisiatif baharu bantuan kewangan untuk meringankan beban golongan berpendapatan rendah yang terjejas akibat kenaikan kos sara hidup. Kalau AirAsia dengan slogannya "*Everybody Can Fly*", maka belanjawan ini juga dengan slogannya "*Everyone Can Eat*" atau "*Everybody Have Food*".

Tuan Speaker, izinkan saya terus menyentuh isu dan pembangunan di kawasan saya yang masih memerlukan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya demi untuk kesejahteraan rakyat keseluruhan. Kewujudan Jambatan Bintulu-Jepak akan merencanakan pembangunan yang pesat dan drastik bagi DUN Jepak. Maka dengan itu, penyelesaian keperluan utama bagi warga DUN Jepak hendaklah ditangani dengan penuh komitmen dan bijaksana dari semua jabatan kerajaan, badan berkanun dan agensi terbabit. Keperluan adalah seperti berikut:

1. Skim Pembesaran Kampung, Perumahan Kos Rendah dan Sederhana

Kerajaan Sarawak akan memperkenalkan inisiatif baharu dalam bentuk subsidi perumahan untuk golongan berpendapatan rendah bagi menampung sebahagian daripada harga perumahan. Ia memperuntukkan sebanyak RM50 juta pada tahun depan di bawah Belanjawan Negeri 2025. Bagi memastikan rakyat mampu memiliki rumah, Kerajaan Sarawak memperkenalkan satu inisiatif baharu dalam bentuk subsidi perumahan untuk golongan berpendapatan rendah bagi menampung sebahagian daripada harga rumah.

Kerajaan Sarawak juga akan terus memberi keutamaan kepada pelaksanaan Skim Penempatan Semula (SPS) dan Projek Skim Pembesaran Kampung (SPK) dengan peruntukan RM39 juta pada 2025. Ia bagi meringankan beban kewangan kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana di Sarawak mendapatkan lot kediaman bagi membina rumah sendiri dan kemampuan untuk memiliki rumah kos rendah dan sederhana.

Untuk tujuan ini, peruntukan sebanyak RM247 juta akan disediakan tahun depan bagi projek pembangunan semula kampung di Kuching, Sibul, Bintulu dan Limbang. Saya mohon agar Skim Pembesaran Kampung, pembinaan Perumahan Kos Rendah dan Sederhana di DUN Jepak diberi keutamaan dan disegerakan berdasarkan belanjawan yang telah diperuntukkan bagi tahun 2025.

Saya ulang agar Skim Pembesaran Kampung, pembinaan Perumahan Kos Rendah dan Sederhana di DUN Jepak diberi keutamaan dan disegerakan berdasarkan belanjawan yang telah diperuntukkan bagi tahun 2025.

2. Perumahan Penjawat Awam

Kerajaan Sarawak akan membina perumahan dan fasiliti baharu untuk penjawat awam di seluruh negeri tahun depan dengan nilai skim RM3.55 bilion. Ini bertujuan dengan pembinaan perumahan dan fasiliti baharu ini adalah bagi menangani kekurangan perumahan kerajaan untuk penjawat awam. Pembinaan dijangka bermula pada 2025 dengan peruntukan awal RM200 juta.

Sehubungan dengan itu, di sini, pihak saya mohon agar kekurangan perumahan dan fasiliti baharu bagi penjawat awam khasnya di Bintulu diberi keutamaan kerana kadar sewa rumah atau bilik sangat tinggi dan peningkatan kos sara hidup di Bintulu. Kebajikan dan kesejahteraan penjawat awam Sarawak diutamakan. Impaknya, sudah tentu penjawat awam akan dapat menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan seterusnya meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif kepada rakyat.

3. Utiliti dan Komunikasi

Kerajaan Sarawak akan terus memastikan liputan penuh untuk perkhidmatan utiliti dan telekomunikasi yang boleh dipercayai, mampan dan berpatutan terutama di kawasan luar bandar Sarawak dengan peruntukan sejumlah RM1.72 bilion. Peruntukan ini menunjukkan komitmen kuat Kerajaan Negeri dalam meningkatkan perkhidmatan penting bagi semua rakyat. Belanjawan ini memperuntukkan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM1.23 bilion untuk air dan elektrik dan RM0.49 bilion untuk perkhidmatan telekomunikasi.

Saya mohon agar isu bekalan air terawat untuk kawasan Serupau, Annau, dan Samarakan disegerakan bagi memastikan rakyat merasai nikmat dari belanjawan ini. Manakala dari aspek komunikasi, didapati sebahagian rakyat kawasan luar bandar berhadapan dengan masalah telekomunikasi. Oleh itu, pihak saya mohon agar permasalahan ini diselesaikan segera dengan penyediaan peralatan komunikasi yang terbaik untuk mereka. Impaknya digital ekonomi dapat dilaksanakan dengan jayanya.

4. Pusat Perhentian Rawat dan Rehat di Kuala Tatau

Kerajaan Sarawak akan memperuntukkan RM3.75 juta untuk Program Pemerksaan Isi Rumah Berpendapatan Rendah pada tahun depan. Program ini bertujuan melengkapkan wanita dan kumpulan rentan dengan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah mereka. Sebanyak RM2.5 juta akan diperuntukkan kepada usahawan mikro kebajikan bagi menyokong usahawan mikro daripada kumpulan B40, orang kurang upaya; ibu tunggal dan janda melalui latihan, bantuan modal dan akses pasaran. Bagi memperkasakan usahawan wanita di luar bandar, khasnya di Kuala Tatau dan rakyat sekitarnya, saya mohon agar dibina Pusat Perhentian R&R Kuala Tatau bagi laluan jalan raya persisiran daripada Bintulu ke Balingian. Pusat ini menyediakan ruang niaga bersesuaian dengan produk-produk tempatan dari hasil produk-produk perikanan, pertanian dan kraftangan. Secara langsung, meningkatkan pendapatan rakyat setempat.

5. Pusat Konvensyen Jepak (JKC) atau Jepak Convention Centre (JCC)

Belanjawan diperuntukkan RM250 juta untuk projek rakyat bagi membina fasiliti baru seperti Kompleks Sukan dan menaik taraf "*civic centres*" sedia ada. Oleh demikian, saya mohon agar dibina Pusat Konvensyen Jepak di DUN Jepak. Ini selari dengan perubahan landskap pembangunan di Jepak susulan siapnya jambatan Bintulu-Jepak pada tahun hadapan. Dan, kita sedia maklum dengan kepesatan industri *oil and gas*; dan *new energy*; dan lain-lain di Bintulu, maka sudah pasti para pelabur iaitu *foreign direct investor* akan menganjur seminar, konvensyen, kursus dan lain-lain

yang bertaraf antarabangsa dan dunia di Bintulu. Kewujudan JCC ini kerana melengkapkan keperluan di atas dan secara tidak langsung mempromosi Sarawak di peringkat antarabangsa serta menjana ekonomi Sarawak.

6. Jeti Nelayan Sungai Kampung Kuala Segan

Keperluan pembinaan jeti ini bagi mengatasi masalah kemudahan asas jeti nelayan di Kampung Kuala Segan Sungai Tengah untuk keselesaan serta keselamatan nelayan di sini. Kampung Kuala Segan terkenal dengan hasil udang galah dan ikan serta merupakan destinasi utama kaki pancing untuk menyusuri Batang Kemena. Dengan terbinanya jeti ini yang dilengkapi dari aspek keselamatan dan tempat menyimpan bot-bot nelayan yang teratur, maka pelancong tempatan dan asing sudah pasti datang ke Kampung Kuala Segan untuk memancing dan menyusuri sungai sambil menikmati pemandangan yang indah, hutan paya bakau di sepanjang sungai. Impaknya akan meningkatkan pendapatan para nelayan sungai dan penduduk Kampung Kuala Segan.

7. Taman Rekreasi Pantai Jepak

Pantai Jepak yang menghadap Laut China Selatan berlandskapkan tumbuhan hijau, pantai pasir begitu menarik dan menjadi tarikan warga Jepak. Malah penduduk luar Bintulu turut tertarik dengan panorama kawasan ini. Sehubungan itu, pihak saya mohon dibina Taman Rekreasi Pantai Jepak untuk bisnes riadah dan rekreasi setaraf dengan Taman Pantai Tanjung Batu yang sentiasa sesak dengan pengunjung pada hari hujung minggu dan cuti umum. Kewujudan Taman Rekreasi Pantai Jepak akan menjadi destinasi baru bagi orang-orang ramai beriadah dan berekreasi, menghilangkan kepenatan, menatap panorama laut, pantai dan matahari terbenam, menyaksikan deburan ombak menghempas pantai serta menikmati angin segar dari Laut China Selatan bersama keluarga dan juga pelancong. Kedudukan yang strategik di laluan jalan persisiran Bintulu ke Balingian, berdekatan dengan kampung-kampung dan Pusat Pentadbiran Negeri yang baharu.

Di samping itu, sudah pasti adanya *food court* yang menyajikan menu-menu ringan termasuk makanan tempatan yang menyelerakan seperti mi, sate, ayam bakar dan minuman ringan seperti cendol dan kelapa segar. Ini secara langsung menjanakan ekonomi penduduk setempat. Akhir kata, di sini, saya ingin merakamkan Selamat Hari Krismas kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang hadir dalam Dewan ini bagi yang meraikannya. Sama-sama kita berdoa agar Belanjawan 2025 ini dirasai seluruh rakyat Sarawak. Dengan ini, Tuan Speaker, sukacitanya Jepak menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan (2025), 2024 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dan Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Next, Ahli Yang Berhormat for Bukit Semuja.

YB Encik John anak Ilus: Thank you, terima kasih, Tuan Speaker. First of all, I would like to thank Tuan Speaker for giving me this opportunity to speak and to join my fellow colleagues in this august House to debate on the Supply Bill (2025), 2024 that was presented by the Honourable Premier of Sarawak on the 1st day of this sitting.

Secondly, thanks to our Premier that in his State Budget speech with the theme of *“Together Building a Prosperous Future”* for our region of Sarawak is designed for an inclusive and prosperous Sarawak where no one will be left behind. This is to reaffirm that the government commitment on championing the welfare of the *rakyat* through proper implementing tools to reduce the financial burdens of the low and middle-income group and to continue to implement vital people-centric programmes and projects.

The proposed 2025 budget with the increase in the operating and development expenditure from the previous to RM15.8 billion, an increase of RM2.2 billion or 16% and of course with the expected surplus of RM486 million. Again, it is the largest ever budget in Sarawak history.

A very comprehensive and inclusive and again a rural and development biases budget, I believe we are able to uplift, improve and reduce the gap between the rural and urban areas with the proper tools and mechanisms to at least catch up with what was strategized in our PCDS 2030.

Matters pertaining to the people's welfare, civil servants, the young and old; students and with the continuation to the other forms of developments be in physical, human development, skills training, tourism, sports and other economic driven sector is not being sidelined in this budget. In short, from cradle to grave driven assistance or budget.

Tuan Speaker, speaking on the continuous development in the State, I again would like to stress my gratitude to our Premier for the creations of development agencies all over the region. We, under the GKCD (Greater Kuching Coordinated Development Agency) benefitted a lot from this Agency too in order to speed up development in our area. And hopefully, more fund to be injected with a robust strategy in implementing but within scope and be rigid so as to meet the needs of the specific area.

As for another very popular form of assistance, it was not mentioned in the budget, but I believe it is under the purview of the Premier Office, the UNIFOR. First mooted and approved with a mere only RM15 million in 2017, increased to RM20 million in 2018, then RM30 million in 2019, RM50 million in 2020 until 2022, then increased to RM100 million in 2023 in which mission schools get RM30 million and the balance RM70 million for the house of worship. As for this year, 2024 shows another increase to RM90 million for the house of worship and RM20 million for mission schools to make a total of RM110 million.

With that Tuan Speaker, Bukit Semuja put into record to request Sarawak Government to continue to allocate a substantial amount of fund in order to continue our policy of inclusiveness and well-being of the *rakyat*. Some of the buildings and projects are under various stages such as planning, constructions or in some other processes like siting and so on. With the scope of the assistance has been expanded, I hope the government will increase in the allocation for this time around or this year to RM150 million.

Klinik Kesihatan Kelas Tiga Serian

Tuan Speaker, before going any further in my speech Sir, I would like to put on record to thank the Federal and State Government for having the Serian Klinik Kesihatan Grade 3 going to be in operation soon. Our *rakyat* in and around Serian is longing for the *klinik* for such a long-long time. This project cost about is RM23.9 million considered completed except for some minor works need to be done, so thank you very much and hopefully next year our *Klinik* in Serian will be much, much better.

STATE SALES TAX (SST) ON CRUDE PALM OIL (CPO)

Tuan Speaker, the palm oil industry has contributed significantly to Sarawak's economy, not only in terms of revenue but also through employment and rural development. Often referred to as the "*goose that lays the golden egg*", this industry is a major contributor to the GDP within the agriculture sector. It has catalysed economic growth, transformed vast idle land into productive areas and provided sustainable livelihoods especially in rural communities that have limited access to other economic opportunities.

In 2023, the agriculture sector, largely driven by palm oil, contributed about 10.6% or RM15 billion to Sarawak Gross Domestic Product (GDP). Palm Oil is also a major export commodity, accounting to 12.6% of Sarawak's total exports in 2022, surpassing crude petroleum, which recorded 10.9%. Therefore, the palm oil sector deserves both support and a regulatory framework that encourages, rather than restricted its growth.

Since the implementation of the Sales and Services Tax (SST) in 1998, that the only applied to Sabah and Sarawak, palm oil producers in Sarawak have shouldered additional tax obligations. Presently, they are not only subject to SST, but also facing the Windfall Profit Levy (WFL), Cess, export duties and income taxes. These layers of taxes places financial strain on industry players, reducing their profit margins, limiting their ability to reinvest in production capacity and technological improvements.

In recent Malaysia 2025 Budget, which outlined an increase in the minimum wage from RM1,500 to RM1,700 effective 1st February 2025, will aggravate the financial strain on plantation companies. The introduction of higher levies for foreign workers and mandating EPF contributions to foreign employees under the budget to ensure fair wages and improved welfare for labourers will increase operational costs of the industry that are heavily reliant on foreign workers. Balancing worker welfare with profitability is increasingly challenging, creating a delicate economic tightrope for plantation operators.

In addition, the palm oil industry is currently facing global pressures related to environmental sustainability and regulation. Anti-palm oil campaigns have negatively affected the image of palm oil, its derivatives and palm-related products. The introduction of the European Union's Deforestation-Free Regulation restricts the expansion of oil palm estates into new areas and imposes more stringent traceability and certification requirements, which will ultimately increase production costs. The cost of production for crude palm oil (CPO) has been continuously rising, particularly since 2020. The average Sarawak production cost for CPO is now around RM3,200 per ton, thus resulting in high operating expenses for companies that are striving to remain competitive.

Tuan Speaker, the current SST is triggered with CPO price reaches RM1,000 per ton, with the maximum SST rate of 5% applied when the price exceeds RM1,500 per ton. This formula was set in 1998, a time when CPO production costs were only significantly lower. Under current SST, while the estates are smiling, the palm oil mills are sad. Since 2020, the SST is higher than the profit before tax (PBT) as it was taxed at revenue level or upfront, hence reducing margin on palm oil mills. In this respect, I propose that the State Government of Sarawak to make a review and application of SST to start when the CPO is above the cost of production on price range basis instead of flat rate.

I would like to propose that the current SST rate and threshold be revised to 2.5% when the CPO price is between RM3,500 and RM3,999 per ton; 3% when the price is between RM4,000 and RM4,999 per ton; and 4% when it reaches RM5,000 to RM5,999 per ton; and 5% when the price hits RM6,000 per ton and above. Global demand for sustainably sourced palm oil is rising, as consumers and businesses are increasingly mindful of environmental impacts and ethical sourcing. Aligning the industry with modern environmental, social, and governance (ESG) standards is vital for securing its future. The reduction in SST rate will enable the industry to meet ESG standards through investments in eco-friendly practices, waste management and community engagement. For instance, funds could be directed toward research on sustainable farming practices, reducing the carbon footprint, advancing the circular economy and fostering partnerships with local communities to ensure shared benefits from the industry's growth.

Tuan Speaker, in summary, Sarawak's palm oil industry is already facing substantial challenges from rising production costs, regulatory burdens and declining crop yields. The *'Proposed Revision of State Sales Tax (SST) Formula for Crude Palm Oil (CPO)'* would not only support the industry's sustainability and long-term economic contributions to Sarawak's coffers but also to ensure that the sector remains resilient and competitive on global stage. With strategic support and regulatory adjustments, such as the revision of the SST formula, can encourage the Sarawak's palm oil industry to continue to thrive as a valuable economic asset, delivering benefits that extend beyond profits to sustainable growth and community development.

OTHER ISSUES

Sekolah dan Institusi Pendidikan

Tuan Speaker, pada hari Sabtu yang lepas, iaitu 9 November 2024, saya telah dijemput sebagai tetamu kehormat dalam satu majlis perasmian bangunan baharu sekolah di kawasan saya, iaitu Majlis *Mangkung Tiang*. Bangunan baharu sekolah SK Lebur Remun yang telah siap dibina di bawah program satu bilion yang menelan belanja RM5.3 juta yang siap pada awal tahun ini.

Akan tetapi Tuan Speaker, terdapat salah sebuah sekolah yang baharu yang dicadang dibina yang telah diluluskan dalam tahun 2019, iaitu SK Sri Sadong sekali lagi ditangguhkan pembinaannya. Saya telah diberitahu baru-baru ini bahawa ianya ditangguhkan disebabkan kos yang tidak mencukupi dan perlu dirancang sekali lagi mengikut keperluan semasa. Adakah sekali lagi kita akan menghadapi keadaan yang sama seperti cadangan pembinaan baharu SMK Serian Nombor 2, sehingga ke hari ini tiada berita selain daripada dalam perancangan. Entahlah sampai bila perancangan akan menjadi pelaksanaan.

Melihat kepada perkara ini, adalah dicadangkan agar pembinaan diteruskan mengikut peruntukan yang sedia ada dan sambil pihak yang berkenaan sepatutnya mencari peruntukan tambahan untuk menyiapkannya nanti. Jika tidak, ia tidak akan bermula bila-bila masa dan sudah pasti proses dan kerenah birokrasi akan bermula dari mula dan sekali lagi perancangan dalam perancangan.

Kedua, kenapa tidak mencari bangunan kedai di kawasan Serian untuk disewa untuk sementara waktu seperti di tempat lain untuk menampung kepadatan bilangan pelajar yang semakin kritikal. Untuk makluman Tuan Speaker, kedua-dua sekolah di sekitar bandar Serian, iaitu SK St. Patrick Tangga, Serian dan SK Serian sedang menghadapi masalah bilangan pelajar ataupun anak murid yang ramai dan kelas yang sangat padat.

Re-introduced Biblical Studies in Primary Schools in Sarawak

Seterusnya Tuan Speaker, I would like to introduce a Biblical Studies in primary schools in Sarawak. Looking back at the history of education in Sarawak in the early centuries by the missionaries from the Roman Catholics, Anglicans and Methodist denominations. Thus, they begun the early Christian mission in what was then Brooke-ruled Sarawak in the pre-colonial era, where tolerance and respect for each other's faith and culture was already evolving into a proud tradition and before long the Christian mission had become an integral component of the bigger social matrix unpolluted by what is today's divisive politics.

Thereafter, during and after colonial era, our education department were having Bible studies as one of the main subjects taught in schools, tested, examined and was open to all irrespective to their background of the students at that time.

However, now such subject is part of our education history, and I hope the State Education Ministry to look into this so that the young will be taught at early stage like any other religion. This will further enhance tolerance among the young as part of human and spiritual development. Let the State Government through its Ministry to look into this and I put high hope on them.

Bidayuh Community in Miri

Our Bidayuh community in Miri. Tuan Speaker, baru-baru ini, saya telah dijemput oleh Persatuan Dayak Bidayuh Miri sebagai tetamu kehormat untuk *Malam Ngarum Pawun, The Voice of Borneo* bagi program '*Taste of Borneo*'. Mereka adalah kalangan masyarakat Bidayuh yang bekerja, berhijrah, mendirikan rumah, berkeluarga menubuh sebuah kampung dan menetap di Miri sejak sekian lama dan jumlah penduduk kini mencecah lebih dari 5,000 orang. Tambah lagi, Kampung Bidayuh Lusut juga telah wujud sejak 2006 dan wakil ketua kampung dilantik walaupun masih belum digazet oleh pihak Kerajaan.

Sungguhpun demikian, mereka juga diberi lot untuk mendirikan rumah kediaman masing-masing dan diberi kemudahan seperti balai raya, bekalan air bersih dan *api*, walaupun surat hak milik masih dalam pertimbangan kerajaan.

Maka Tuan Speaker, selaku wakil rakyat dari kalangan suku kaum Bidayuh saya sangat prihatin tentang nasib mereka. Mereka telah menabur bakti, tenaga, kesetiaan dan membantu dalam pembangunan kesejahteraan di Wilayah ini. Oleh itu, bantulah kampung tersebut, keduanya sahkan dan gazetlah pelantikan ketua kampung dan seterusnya mewujudkan jawatan Penghulu Bidayuh di bandar Miri.

Isu-Isu Pan Borneo dan Keselamatan Jalan Raya

Tuan Speaker, mohon pihak Pan Borneo untuk menilai semula pembinaan P-turn di kawasan Kampung Rasau Serian untuk kesejahteraan dan keselesaan para ibu bapa apabila menghantar dan mengambil anak-anak mereka ke sekolah SK Melansai. Kini, mereka perlu turun ke pasar Serian dan mengambil P-turn di Kampung Munggu Limo dan pusing balik pula di Kampung Bedup dalam kira-kira 7 atau 8 kilometer. Padahal sekolah tersebut hanya terletak 1 kilometer dari simpang kampung tersebut.

Pihak kita di bandar Serian juga masih menunggu sebuah lagi jejantas yang dirancang dan dicadang dibina di belakang SMK Serian, atau lebih dikenali di *Serian by-pass*. Jejantas ini sangat-sangat diperlukan untuk keselamatan dan memudahkan para pelajar sekolah berkenaan untuk turun balik ke sekolah. Mohon dilaksanakan dengan segera.

Seterusnya, di sepanjang jalan Pan Borneo sama ada di kawasan Serian dan kawasan-kawasan yang lain, sepanjang Pan Borneo, kita memohon agar jabatan atau pihak berkenaan menilai semula tempat ataupun meletak serta mendirikan papan-papan tanda ataupun *road accessories* demi keselamatan para pengguna jalan raya. Ada di antara *accessories* yang dipasang ini menghalang pemandangan dan menggugat keselamatan para pengguna. Maka dengan itu, pihak yang berkenaan harus mengambil iktibar untuk keselesaan para pengguna.

Jalan Gedong Serian

Satu lagi masalah jalan, Tuan Speaker, mohon pihak yang berkenaan menilai semula dan mengambil tindakan tentang keselamatan jalan raya di sepanjang jalan ke Gedong bukan sahaja permukaan jalan yang semakin rosak, gerai-gerai di tepi jalan juga tidak ketinggalan dilanggar lori yang berat yang berlumba-lumba untuk merebut *trip* masing-masing. Nasib baik tidak ada nyawa yang terbabit. Bagi penduduk yang memiliki rumah yang dekat dengan jalan-jalan tersebut sentiasa merasa takut akan keselamatan diri dan keluarga mereka.

Pusat Mengundi

Seterusnya Tuan Speaker, *now I would like to* sentuh sedikit tentang pusat mengundi. Untuk makluman Tuan Speaker, terdapat dua pusat mengundi di kawasan DUN Bukit Semuja. Sebenarnya perkara ini boleh digunakan secara bertulis, namun demikian, saya telah mengemukakan perkara ini tetapi tidak diluluskan. Di kawasan DUN Bukit Semuja, dinilai semula dan diambil tindakan untuk memudahkan dan memberi keselesaan kepada para pengundi serta petugas-petugas di masa akan datang. Pusat mengundi di SK Melansai dan pusat mengundi Dewan Tertutup Serian yang mana kedua-dua lokasi dan kesesuaian tersebut perlu diambil pertimbangan. Permasalahan ini ditambah pula dengan siapnya jalan Pan Borneo dan penambahan pengundi secara automatik perlu menambah saluran atau memecah atau mengenal pasti pusat pengundi yang baru untuk mana yang berkenaan. So saya juga pernah, seperti yang saya sebut tadi, pernah mengemukakan perkara ini kepada Pengarah SPR melalui Pegawai Pengurus tetapi tidak diluluskan.

Timbalan Speaker: Sila gulung, Ahli Yang Berhormat. Sila gulung.

YB Encik John anak Ilus: Thank you. Last but not least, Tuan Speaker, Stadium Mini di Serian pun perlu disebut di sini, namun demikian, sebab tidak ada masa, begitu juga *flash flood* dan juga kesesakan dari klinik ataupun bulatan Serian ke apa nama *Lepapa* pun selalu sesak, jadi mohon pihak berkenaan mengambil tindakan. Dan seterusnya, sekali lagi kepada pihak yang berkenaan, jawatan Ketua kampung ataupun Temenggung bagi suku kaum Melayu di Serian. Janganlah tiap kali kita berdiri di sini, kita sebut tetapi tindakan pun tidak ada diambil.

Jadi sekali lagi, I would like to thank all the relevant agencies, civil servants both in the State and Federal Government, local authorities and many others who are in one way or another being very supportive and helpful in any engagement made.

To all Honourable Members and others who are here in this Dewan, Merry Christmas to all Christians and Happy New Year 2025. To conclude, I beg to support. Thank you.

Timbalan Speaker: Thank you, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Semuja. Next, Tebedu please.

YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada: Tuan Speaker, thank you very much for the opportunity given to me as an ADUN representing the people of N.21 Tebedu to participate in the Debate on Supply (2025) Bill, 2024 that was successfully tabled by the Right Honourable Premier of Sarawak, who is the Minister of Finance and New Economy and the Member for DUN N.26 Gedong who presented the Bill on the 11th November 2024 in this august House.

Congratulations to the Right Honourable Premier on the successful preparation and presentation of the Comprehensive 2025 Budget in this august House. I would also like to congratulate the Right Honourable Premier for his sterling and excellent leadership. Less we forget, in the year 2023, we achieved a High Income Status State declared by the World Bank by surpassing the World Bank's High Income Threshold classification of USD13,845.00 with USD18,360 Gross National Income (GNI) and Sarawak under the able leadership of our Premier has achieved numerous other achievements and breakthrough such as the establishment of Development Bank of Sarawak (DBOS), setting up Sarawak Sovereign Wealth Future Fund (SSWF), largest shareholder in Affin Bank, establishment of PETROS (Petroleum Sarawak Berhad), Sarawak International Schools, Sarawak Science Centre, constructions of various coastal roads and many other groundbreaking initiatives and high impact projects providing a foundation or groundwork and opportunities for every Sarawakian to have a better future. As Sarawakian myself, we are very proud of his achievement and we hope and pray that Sarawak will continue to soar higher in every aspects and achieve more success under his leadership.

Together Building a Prosperous Future

Tuan Speaker, the 2025 Budget presentation by the Right Honourable Premier is a budget with the theme '*Together Building a Prosperous Future*' is very fitting, relevant and appropriate. It is another record-breaking budget in Sarawak history. This is an Expansionary People Centric Budget that is committed to champion the welfare of the *rakyat*. It reaffirms Sarawak Government's commitment to develop every nook and corner of Sarawak that brings benefits to every strata of our society.

For the information of every member in this august House, for the past six years we have experienced, we have seen a steady increase in our Sarawak Budget. A sum of RM9.9 billion for 2020, RM10.01 billion for 2021, RM10.036 billion for 2022 and RM10.797 billion for 2023, for 2024 RM13.6 billion and for next year 2025 our budget is another record-breaking budget that is RM15.8 billion.

Tuan Speaker, this indicates that under the leadership of our Right Honourable Premier, we are on the right track and we are in the right direction. As such, I placed my highest confidence that we will achieve the High-Income Status by 2030 and I earnestly urged and encourage every Sarawakian to throw their support behind our visionary and able YAB Premier.

The Right Honourable Premier unveiled that the Budget for 2025 is another Surplus Budget with an Estimated Revenue of RM14.2 billion against an estimated ordinary expenditure RM13.7 billion with a surplus of RM486 million. I believe this surplus can be deposited in our Sarawak Sovereign Wealth Future Fund for our *anak*, for our *cucu* and our *generasi akan datang*.

This Expansionary Budget that covers Eight Strategic Thrusts and Various Initiatives will be implemented for vital people centric projects and programmes to express our commitment in championing the welfare of the people, to transform Sarawak Economy, attracting major investors, accelerating digital transformation, strengthening human capital and talent development, enhancing environmental sustainability and strengthening public service delivery.

N.21 Tebedu Constituency – Infrastructure

*Burung Serindit terbang melayang,
Turun ke tanah makan padi,
Rakyat Tebedu tetap disayang,
Akan ku curahkan segala khidmat bakti.*

As the people representative of N.21 Tebedu, allow me to voice out the aspirations, wishes, issues, grouses and challenges faced by my people in my constituency in this august House.

Bandar Mutiara Tebedu is blessed due to its strategic location. We have a well-known Immigration Custom and Quarantine Station or ICQS. It is one of the main entry points for the people to enter Sarawak and exit point for us to enter Indonesia.

In 2022, forgive me, I was briefed by the relevant agencies that a sum of RM100 million, *bukan dikit pok*, was allocated to redevelop the said ICQS. As at today, we have not been seeing any sign or any changes happening in and around the ICQS. Sarawak in general and Tebedu in particular needs a secure border to safeguard our sovereignty and our security. I hope that the RM1.0 billion to upgrade Sabah and Sarawak borders as announced and promised by the Prime Minister on the 20th January 2023, *ya*.

I would like to quote an announcement made by the Prime Minister during a press conference after chairing the Malaysia Agreement 1963 Implementation Action Council Meeting. He said *“We have decided to give additional allocation for the CIQS to improve security and increase capability, as well as for other infrastructure such as roads as we don’t want to be seen obsolete”*.

I hope the Federal Government this time will not be undergoing another state of *“dementia”* or *pura-pura lupa*.

According to Malaysia and Indonesian Customs Authorities, a total of 112.3 kg of drugs has been seize via a coordinated operations in July this year along Sarawak borders. These smugglers can outsmart or get the better of our obsolete drug or any illegal substance detecting capabilities and facilities.

I urged the State Government to have further engagement and discussion on this matter with the Federal Government. On another topic, I would like to express our gratitude and thank to the Sarawak government for the approval of phase II of Temong – Tepoi Road. We hope that the facilities and the road will benefit the people at large.

Greater Kuching Coordinated Development Agency

Tuan Speaker, with the Establishment of Greater Kuching Coordinated Agency (GKCDA), the future, hope and aspirations of my constituents from all walks of life, young and old and from all sides of political frontiers are looking brighter. The much-awaited implementation and actualization

of projects proposed and planned are expected to enhance and accelerate the pace of their socio-economic growth in my constituency.

For the information of this august House, there are one projects taking off the ground while another at tender stage and many more yet to be tendered and implemented. We hope that the various implementing agencies will expedite the implementation to fulfill our 2025 Budget's Fifth Strategic Thrust, that is Enhancing People's Well-being and ensuring Inclusive development.

On that note, we want to express gratitude to YAB Premier for the game changing establishment and the birth of Greater Kuching Coordinated Development Agency (GKCDA). So with that, I would like to give a *pantun* for that purpose:

*Bubur selasih ubi keladi,
Lemak manis santan kelapa,
Terima kasih jasa dan budi,
Selalu tersemat tiada dilupa.*

Agriculture Sector

Tuan Speaker, with regards to food security, it is a public knowledge that Sarawak's Self Sufficiency Level (SSL) in rice production is about 32%, and for beef 13% and for pork poultry meat and eggs we have more than 100% SSL level. More initiatives need to be done and implemented to increase our SSL in the near future.

In order to increase our SSL, the Right Honourable Premier unveiled a huge sum of RM51 million has been allocated to boost production in the various regions namely Stumbin Bijat, Lingga Banting and few other areas announced by Premier during his Budget Speech last Monday.

I wish to inform this august House in my *kawasan*, in my constituency DUN N.21 Tebedu, we have an area that has high potential that the government can study and look into. The area is the Menggog and Pendu area and could be an additional area for the purpose of paddy planting and rice productions in the future apart from the gazetted areas unveiled by the Premier in his Budget Speech.

I am here thereby requesting the government to look at the possibility of doing a feasibility study on this area. And for the information of all Members here, our strong advantage for this area is that the water source is a freshwater area.

Increasing Farmer's Income

Tuan Speaker, the GPS Government has been continuously doing the best to narrow the development gap between the rural and urban divide via various initiatives and programmes.

It is heartening to note that Sarawak has achieved high income economy status. However, the income status of our folks in the rural area are not really in tandem with Sarawak's status as a new economic powerhouse. They still left behind.

The *rakyat* in Tebedu particularly, who are mainly farmers must be able to feel and experience the new success. As such, I humbly request from the government especially the Agriculture Department; and Ministry of Food Industry, Commodity and Regional Development to carry out as many programmes as possible such as trainings and farmers capacity building to be beef up. It's not business as usual anymore. Giving them subsidies such as fertilizers and weedicides and pesticides not enough anymore. I believe more extension services are needed here to train the farmers to thrive well in their respective crops and commodities ventures that they are involved in is of paramount importance.

Land Documentation

Under the community-based initiative by DBNA land documentation exercise, DBNA Tebedu and DBNA Serian together with DBNA HQ, eight villages namely Kpg Bantang, Kpg Tae, Kpg Payau, Kpg Entubuh, Kpg Pichin, Kpg Plaman Nyabet, Kpg Jenan and Kpg Sungan has been surveyed using DBNA model.

Pursuant to this exercise, Land & Survey has fulfilled the wishes of the *rakyat* in Tebedu by issuing land titles under Section 18 and landowners are given individual ownership. On behalf of these villages, I would like to express our gratitude and thanks to the Government especially Land & Survey Department and Dayak Bidayuh National Association (DBNA) for the hard work in getting the land surveyed and titled. With this track record, I appeal to the *rakyat* in Tebedu to place their full trust and confidence in the GPS Government and continue to support GPS under the able leadership of the Right Honourable Premier.

Tuan Speaker, currently there are another eight villages namely Kpg Daha Mawang, Kpg Daha Seroban, Kpg Krusen, Kpg Tema, Kpg Sejijag, Kpg Mawang Tahup and Kpg Gahat, are doing their land documentation exercise in my N.21 Tebedu Constituency and we hope that the Land & Survey Department will continue to provide their support in our program to make sure that this initiative is another success.

Internet Connectivity and Enhancing Quality of Education

On behalf of my constituent, I would like to express my thanks and gratitude again to the Government for the 11 completed projects located in my constituency at nine villages, a secondary school and in my ICQS Tebedu.

Tuan Speaker, the issue of interrupted internet and telephone services is a major concern in my constituency. A regular interruption is very irritating to the *rakyat* especially to the students who rely very much on the school program called Delima program implemented by the Education Department. To enable the Delima program to be successful, internet connectivity is required apart from the availability of smart TVs. Therefore, I urged the Ministry of Utility to beef up and steadfast in making sure that seamless internet services are provided at all times.

Bekalan Air Terawat

Tuan Speaker, kita sering mengalami gangguan bekalan air di kawasan jalan Baki Riih seperti Kampung Tae, Kampung Bantang, Kampung Lanchang, Kampung Plaman Nyabet dan paling teruk Kampung Kakeng. Isu ini memberi banyak masalah kepada rakyat di kawasan tersebut. Cuba kita bayangkan, dalam era ini kita masih menghadapi dan mengalami masalah terputus bekalan air.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi serta Jabatan Bekalan Air Luar Bandar untuk mencari penyelesaian segera supaya kebajikan rakyat sentiasa terpelihara.

Ketua Masyarakat dan Pemimpin Akar Umbi

Tuan Speaker, tahun lepas di Dewan ini saya telah berhujah dan menyuarakan hasrat, harapan dan impian Ketua Masyarakat, Ketua Kampung dan Ahli Majlis. Mereka ini merupakan pemimpin akar umbi yang sangat rapat dengan masyarakat kita. Ekspektasi dari rakyat saban hari meningkat dan semakin mencabar. *"Its no more business as usual"*.

Maka dengan ini, saya merayu sekali lagi, saya ulang, sekali lagi, supaya elaan mereka ini dipandang serius oleh kerajaan sebelum pihak pembangkang membuat bising, kalau mereka membuat bising nanti, *if we give, they will claim credit*. So, before they claim credit, you better listen to us backbenchers. Di Dewan yang mulia ini, saya ingin bertanya sekali lagi kepada Kementerian

yang berkenaan; Apakah status dan kedudukan elaun Ketua Kaum, Ketua Masyarakat dan Ahli Majlis kita?

Daerah Kecil Padawan

Tuan Speaker, Daerah Kecil Padawan mempunyai keluasan 484 km persegi, 62 buah kampung jumlah penduduk 70,559 orang dibawah empat kawasan DUN iaitu N.19 Mambong, N.13 Batu Kitang, N.17 Stakan dan DUN N.6 Tupong. Daerah kecil ini, Tuan Speaker, bukan kecil lagi. Ianya memenuhi kriteria dan syarat untuk membentuk sebuah daerah yang penuh.

Oleh yang demikian, saya ingin menyuarakan hasrat rakyat di seluruh kawasan kecil daerah Padawan sekarang agar ianya dinaik taraf kepada daerah penuh untuk meningkatkan kualiti dan tahap perkhidmatan Kerajaan Sarawak kepada setiap lapis masyarakat di kawasan tersebut.

Timbalan Speaker: Boleh gulung, Ahli Yang Berhormat.

YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada: Yes, I am concluding Tuan Speaker, in conclusion, together with other fellow members in this august House, Tebedu fully support the Supply (2025) Bill, 2024 because it is a testament to the GPS's unparalleled commitment to build a brighter Sarawak that its resilient, harmonious, inclusive and fair to all races, creed, religion and colour. With that to conclude I wish all Christian members and those outside, Merry Christmas and to all a Happy New Year, God bless us, God bless Sarawak. Thank you very much

Timbalan Speaker: Thank you, Yang Berhormat. I would like to call the Honourable Member for Seremba, please.

YB Encik Miro anak Simuh: Terima kasih, Tuan Speaker, atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025), 2024 atau Bajet 2025 yang telah dibentangkan dengan begitu panjang lebar dan menyeluruh oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg, Premier Sarawak merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Sarawak.

RM15.8 billion merupakan satu bajet yang terbesar dalam sejarah dan rekod baharu bagi bajet Sarawak. Bajet bagi tahun 2025 dengan tema, *"Together Building a Prosperous Future"* menggambarkan satu visi jangka panjang yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Premier dalam membawa Sarawak menggapai impian kejayaan Post COVID-19 Development Strategy (PCDS 2030) menjelang tahun 2030 *or beyond*. Secara ringkasnya, terdapat lapan teras strategik yang diperkenalkan oleh YAB Premier dalam memacu kerancangan pelbagai rentak pembangunan yang bakal didepani oleh Sarawak dalam tahun-tahun mendatang ini.

Strategic thrust No. 3, *"Strengthening Talent and Educational Development"* attracted me the most. When we speak about human capital development, we cannot minimize the role of courageous and effective leadership in putting the country's education on the right path. When we talk about leadership, images that come to my mind are none other than our YAB Premier and its Cabinet Members that are trying very hard and determine to put Sarawak different and above of the rest in education endeavour. As for Sarawak case, we are very fortunate to have a group of leaders that foresee the importance of education as priority to bring Sarawak as a prosperous region to the nearest future. Millions of Ringgit has been put up to enhance the activities, aids, research and all sort of things that related to education, to ensure that our children of Sarawak will get the best assistance from our very own Sarawak money. As other nations globally have done in the past, investing in human capital at the right quality can drive the nation on the right path. My hope is to see not only that we are going to produce the best of manpower to the industries but also to produce the best inventors and creators that invent and create new things for our industries.

Tuan Speaker, for your information, we in the district of Bau have four secondary school at the moment. Three are running on two sessions, morning and afternoon, namely SMK Lake, SMK

Bau and SMK Paku and one school in a single session, namely SMK Singgai. The three SMK that run in two sessions are considered as overcrowded school with almost all three schools recorded more the 1,500 students. With this dilemma, we cannot produce the best result in exam as we do not have the quality of time and environment for the students. Thus, I humbly request to the Government to have another one more secondary school that going to be built at Bau District to enable all the schools to run in one session. And I am quite sure, if it materializes, it will change the education landscape in Bau District to a better level.

Tuan Speaker, Strategic thrust No. 4, "*Accelerating Digital Transformation and Innovation*" also other opportunities that we should look forward seriously as the future are depending much on this innovation. Fourth Industrial Revolution is no longer news. Digital economy is a reality. Digital transformation is unfolding. At the heart of all this is digital leadership, that is the personal, the organizational and the societal. Individuals, companies and countries are repositioning for digital opportunities. It is imperative to recognize that digital economy is mostly a knowledge economy of course with many intersections' opportunities between offline and online.

A critical task now is to get our people to believe in this digital future by taking initiative based on that shared vision and opportunities. With the support from the Government through Sarawak Digital Economy Corporation Berhad (SDEC), with the total amount of RM470 million under alternative funding, we are at the right track to relish the future with a high skill, high earning workforce, multi-billion-dollar corporations and a strong new base economy, we are building a bright future for our next generations. My personal acknowledgement goes to our YAB Premier.

The Sarawak Government had set up five initiatives to promote digital economy environment to Sarawakian. The five initiatives are:

- (a) GoDigitals;
- (b) Digital Innovation Hub;
- (c) Digital Village Accelerator (DiVA);
- (d) Founder's Forge; and
- (e) Sarawak Digital Mall.

I hope all of these five initiatives will not only be located in big town area but will reach the district at the rural area too. This will give the opportunities for the rural folks to be part of the industry players and to broaden the prospect of digital economy as far as it can reach.

Tuan Speaker, pada kesempatan ini juga saya mengambil peluang untuk mengucapkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kementerian Belia dan Sukan Sarawak di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah dan Timbalan Menteri Yang Berhormat Dato Gerald Rentap Jabu atas kejayaan yang membawa Sarawak sebagai Juara Sukan Malaysia Edisi ke-21.

Akhirnya selepas 30 tahun, yang terakhirnya pada tahun 1994, tahun ini kita kembali sebagai juara. Demikian juga ucapan yang sama ditujukan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti yang diterajui oleh Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah dan barisan kepimpinan kementerian yang turut menjuarai Sukan PARASukma 2024. Penat lelah dalam menyediakan atlet sejak sekian lama akhirnya terbalas dan berbaloi atas kejayaan yang dikecapi.

Sarawak boleh diiktiraf sebagai *the 'powerhouse'* untuk acara-acara sukan di Malaysia. Akan tetapi ada satu sukan iaitu sukan bola sepak adalah satu-satunya sukan yang amat-amat mengecewakan Sarawak. Semua kita sedia maklum bahawa sukan bola sepak adalah sukan nombor satu di negara ini dan di seluruh dunia. Apa sudah jadi dengan sukan bola sepak Sarawak? Jikalau kita mengimbau kembali detik-detik kegemilangan bola sepak Sarawak di era Ngap Sayot dahulu, kita dapat melihat setiap ruang stadium dipenuhi oleh penyokong-penyokong Sarawak. Semangat dan keunggulan pasukan Sarawak pada era tersebut telah menyatukan penyokong dari

pelbagai lapisan masyarakat tidak kira Iban, Melayu, Cina, Bidayuh dan Orang Ulu datang memenuhi stadium. Di sini kita dapat andaikan bahawa sukan bola sepak boleh menjadi wadah penting perpaduan rakyat dan menaikkan semangat patriotism, kerana pasukan yang kita sokong adalah pasukan tanah air kita.

Demikian juga dengan barang-barang cenderamata dan baju-baju pasukan Sarawak terjual umpama pisang panas pada ketika itu. Akan tetapi semenjak beberapa tahun ini, sukan bola sepak merudum dengan teruknya, seolah-olah tidak ada jalan kembali. Lebih ramai anak-anak Sarawak menjadi penyokong setia pasukan-pasukan *EPL*, contohnya seperti Yang Berhormat Semop dan Yang Berhormat Opar penyokong utama *MU* dan juga ini Yang Berhormat daripada Tamin dan Tebedu penyokong kuat *Arsenal*, tidak kurang *Liverpool*, *Manchester*, *Chelsea* dan macam-macam lagi pasukan *EPL* tetapi tidak menyokong pasukan Sarawak sedih betul. Jangan kata nak beli baju, diberi *free* pun *sik maok dimakei*, *gia juak* tiket, diberi *free* pun belum tentu *maok* pergi stadium.

Tuan Speaker, saya mohon adanya campur tangan pihak berwajib supaya bola sepak Sarawak diangkat semula, sekurang-kurangnya bermulalah dari sekarang demi maruah dan jati diri Sarawak. Sekiranya Sarawak FA tidak mampu mengibarkan panji-panji Ibu Pertiwiku, silalah minta Kuching FA yang ada lagi harapan dan sinarnya mewakili nama Sarawak. Kita tukar nama Kuching FA ke Sarawak United. Kita ubah barisan pengurusan kepada mereka yang betul-betul komited dan berdedikasi atas nama Sarawak. Seperti yang saya nyatakan tadi, kita kembalikan semula era kegemilangan bola sepak Sarawak, semangat Ngap Sayot dan menjadikan bola sepak sebagai wadah perpaduan di Sarawak.

Tuan Speaker, pada bajet tahun 2025, akan diperuntukkan sebanyak RM45 juta di bawah Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan untuk tujuan merencanakan penganjuran acara dan festival untuk memperkenalkan Sarawak baik di pentas domestik mahupun antarabangsa.

Untuk makluman, Tuan Speaker, "*Siniawan Country Music Festival*" yang menjadi acara tahunan yang disambut setiap hujung September di Pekan Warisan Siniawan diiktiraf sebagai *festival country music* terbesar di Asia. Pada tahun 2024, kita telah merekodkan lebih kurang 25,000 pengunjung sepanjang tiga hari festival diadakan. Para pengunjung yang hadir bukan sahaja terdiri daripada masyarakat setempat, malah ramai yang turut datang daripada luar Sarawak seperti Sabah, Semenanjung Malaysia, Singapura dan Kalimantan. Setelah tujuh tahun diadakan, *festival music* ini semakin mendapat sokongan dan liputan meluas dari pengemar-pengemar *music country*.

Justeru itu, saya mohon peruntukan geran tahunan sebanyak RM100,000 daripada kementerian dapat ditingkatkan ke jumlah yang agak tinggi pada tahun hadapan. Ini disebabkan kos penganjuran dan peralatan meningkat saban tahun. Tahun ini sahaja pihak kami membelanjakan dalam RM250,000 untuk menjayakan festival ini.

Tuan Speaker, sanitary landfill is one of the main ways to deal with high inorganic metals and low calorific value waste, by decompose it in isolation from the environment until it is safe. In Sarawak's case, the population is increasing at a rapid rate. This has resulted in a tremendous amount of solid waste being generated and we do not have enough sanitary landfill to keep it. For our case in Bau and Lundu, we do not have a designated sanitary landfill to dispose our waste. The domestic waste that been collected by the local council's contractor are being dumped to an identified site, that managed by the local council. The problem arises when this dumping site are getting full, is beyond control and cause detrimental effects to environment and even human being nearby.

I specifically ask the Ministry of Public Health, Housing and Local Government about the plan to build the proper sanitary landfill between Bau and Lundu District to cater the domestic waste from these two districts. What is the current status of the project and probably, when it will commissioning? We are in deep need of this new sanitary landfill as the current dump site at Jalan Jambusan, Bau is beyond its capacity to receive more waste in another one or two more years to go.

Tuan Speaker, before I end my debate, I would like to wish all the best to all of us. May God bless this beloved land of Sarawak, may God bless our YAB Premier and all of his cabinet members, may all of them been showered with knowledge and wisdom to prospering Sarawak, may God bless our Speaker and his Deputy for their determinations and perseverance, together with his team to ensure the smooth running of this august House and last but not least, may God bless all of us in the spirit of the Sarawakian. Happy holiday, Merry Christmas, Happy New Year, Happy Chinese New Year and *Selamat Hari Raya*. Till we meet again in the next sitting in 2025. I beg to support. Thank you.

Timbalan Speaker: Thank you, Yang Berhormat Serembu. The next one is, Member for Machan, please.

YB Encik Allan Siden Gramong: Terima kasih, Tuan Speaker. Salam Sejahtera dan Salam Sarawakku Sayang dan Salam Sarawak Maju Makmur. Pada hari ini, saya ingin menzahirkan rasa syukur kerana telah diberi peluang serta ruang untuk mengambil bahagian di dalam sesi perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini sempena Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Ketiga Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke-19.

Puji Tuhan, Hallelujah. Tuan Speaker, saya mewakili rakyat di kawasan DUN N.50 Machan ingin memulakan ucapan saya dengan memberi setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak yang telah membentangkan Bajet Negeri Sarawak bagi Tahun 2025. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri yang ingin menyasarkan Pembangunan secara menyeluruh di Negeri Sarawak.

Tuan Speaker, matlamat utama belanjawan ini menekan lima aspek utama iaitu:

- (a) Membina Masyarakat yang Makmur dan saksama di mana tiada siapa yang akan ketinggalan;
- (b) Meningkatkan kesejahteraan sosial rakyat melalui inisiatif yang memfokuskan kepada rakyat;
- (c) Memperkukuhkan keupayaan dan kapasiti kerajaan untuk menyampaikan perkhidmatan berkualiti;
- (d) Mempertimbangkan kedudukan *fiscal* Negeri ke arah kelestarian kewangan; dan
- (e) Mengubah Sarawak menjadi Wilayah maju dan hab hijau.

Tuan Speaker, "*Together Building A Prosperous Future*" merupakan tema bagi Belanjawan Tahun 2025. Seperti yang kita dengar dari Pembentangan Yang Amat Berhormat Premier tempoh hari, Belanjawan 2025 ini merupakan asas dan tunjang yang melambangkan komitmen teguh Kerajaan Sarawak kepada rakyat Sarawak. Belanjawan ini direka khas agar setiap rakyat mempunyai akses yang saksama kepada peluang dan sumber untuk meningkatkan taraf kehidupan dan merencanakan sosio ekonomi setempat.

Tuan Speaker, saya berharap agar isu-isu yang bakal saya usulkan ini akan mendapat perhatian seluruhnya serta tindakan daripada pihak yang berkenaan. Saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier kerana telah membentangkan sebuah bajet yang amat fokus kepada rakyat Sarawak dan pembangunan Sarawak dalam merealisasikan dan mengekalkan Sarawak di tangga yang teratas negeri berpendapatan tinggi di Malaysia.

Isu Tekanan Air Rendah serta Sumber Bekalan Air Bersih

Tuan Speaker, pada persidangan Mei 2024 lalu, saya pernah mengutarakan isu tekanan air rendah dan sumber bekalan air bersih. Ini merupakan antara isu yang sangat hangat dan paling

banyak dipersuarakan di Machan. Saya amat bersukacita dengan maklum balas yang telah diberikan oleh Menteri Utiliti dan Telekomunikasi, Yang Berhormat Dato Sri Haji Julaihi bin Haji Narawi semasa sesi persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak yang lepas.

Menurut beliau, Kerajaan Sarawak telah meluluskan projek *Proposed Kanowit Regional Water Supply, Sibu Division* yang kini dalam peringkat pelantikan perunding, siasatan tapak dan kerja-kerja ukur serta reka bentuk akan dimulakan dalam masa terdekat. Terima kasih kepada Kerajaan Sarawak.

Manakala Projek Bekalan Air ke Majau, Mam, Batu Luking, Poi dan Menalun telah dikemukakan di bawah *Rolling Plan 5 (RP5)* Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) pada tahun 2025 kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk pertimbangan. Dengan itu amat besarlah harapan saya agar projek ini dapat diluluskan dan dilaksanakan secepat mungkin oleh Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi serta memprioritikan projek ini dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) atau menggunakan dana peruntukan dari Kerajaan Negeri Sarawak sendiri supaya penduduk di kawasan yang terjejas dapat menjalankan rutin kehidupan mereka dengan lebih baik, terutamanya pada musim perayaan seperti Hari Gawai dan Hari Krismas yang akan datang.

Saya juga berharap pihak kementerian yang bertanggungjawab juga boleh memaklumkan saya sekiranya projek ini telah mendapat maklum balas dari pihak KKDW. Sudah berdekad-dekad kawasan tersebut belum mempunyai sumber bekalan air bersih yang terawat. Walaupun kawasan tersebut tidak jauh dari Pekan Kanowit yang mempunyai akses jalan raya dan bekalan elektrik. Sekiranya diluluskan, amatlah besar maknanya kepada saya serta rakyat di kawasan saya. Kita pun akan marah sekiranya rumah kita sendiri tidak mempunyai bekalan air kerana kita macam mana kalau rumah kita sendiri tidak mempunyai air, *enti rumah kita nadai ai, sigi muchau kita*.

Tuan Speaker, saya juga difahamkan oleh Menteri Utiliti dan Telekomunikasi, Yang Berhormat Dato Sri Haji Julaihi bin Narawi pada persidangan bulan Mei yang lalu bahawa status projek *Proposed Supply Kanowit Phase 2 (Stage 2) Sibu Division – Proposed Pipeline from Salim Water Treatment Plant, Sibu Water Board to Kanowit, Sibu Division* telah mencapai kadar 83.11% dan dijangka siap pada suku ketiga tahun ini. Jadi amatlah besar harapan saya untuk mengetahui status terkini projek tersebut. Ia amat penting bagi rakyat saya di Kanowit terutamanya di kawasan Machan.

Bina Baharu Jalan dari Sungai Machan ke Nanga Geremai

Tuan Speaker, saya gembira kerana Projek Bina Baharu Jambatan dan Jalan Batu Kerikil (*Gravel Road*) ke Rumah Panjang Henry Ajol anak Mambu, Nanga Machan, Kanowit dan Rumah Gehinan anak Jimbon, Nanga Semedang, Machan, Kanowit telah dipersetujui oleh MIRRDA ataupun dikenali sebagai *Mid-Rajang Regional Development Agency* yang telah meluluskan sebanyak RM15 juta. Namun, ia tidak mencukupi untuk menghubungkan Rumah Panjang Gehinan Anak Jimbon, Nanga Semedang, Machan ke Nanga Geremai.

Tuan Speaker, hasrat saya ialah untuk menyambungkan Rumah Panjang Gehinan anak Jimbon, Nanga Semedang ke Nanga Geremai. Saya telah dimaklumkan oleh agensi yang bertanggungjawab bahawa sebanyak RM30 juta diperlukan untuk menampung kos pembinaan jalan Rumah Panjang Gehinan, Nanga Semedang ke Nanga Geremai dengan menggunakan kaedah *standard gravel road* sepanjang 12 km. Saya berharap kerajaan meluluskan permintaan saya untuk menampung kos pembinaan jalan tersebut.

Tuan Speaker, sekiranya projek jalan Rumah Panjang Gehinan, Nanga Semedang ke Nanga Geremai dilaksanakan, ianya akan membuka peluang kepada penduduk yang mempunyai tanah untuk dimajukan sebagai kawasan yang berpotensi besar dalam sektor pertanian. Ini akan memanfaatkan 19 buah rumah panjang dan merangkumi sejumlah 387 pintu rumah. Ini juga selari dengan visi dan misi Yang Amat Berhormat Premier untuk meningkatkan pendapatan isi rumah dan

ia juga merupakan antara satu strategi merealisasikan inisiatif Yang Amat Berhormat Premier untuk meningkatkan ekonomi Sarawak dalam mentransformasikan sektor pertanian.

Jalan Ulu Poi dan Ulu Machan

Tuan Speaker, saya ingin mengetengahkan kembali mengenai permintaan rakyat saya yang tinggal di kawasan Ulu Poi dan Ulu Machan. Untuk Ulu Poi, saya difahamkan bahawa Jabatan Pengairan dan Saliran merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Projek Jalan Ulu Poi. Saya juga difahamkan bahawa kos untuk menyiapkan jalan tersebut tidak mencukupi. Boleh saya mengetahui apakah status terkini projek tersebut? Jika bajet untuk projek tidak mencukupi, saya berharap Kerajaan Negeri Sarawak dapat menambah bajet untuk projek tersebut kerana ia akan memberi manfaat kepada enam buah rumah panjang dan sebuah sekolah rendah.

Bagi Jalan Ulu Machan pula, dari Nanga Jerangku ke Rumah Lajang, Ulu Machan saya difahamkan bahawa projek tersebut masih dalam proses *design stage* semenjak dari tahun 2021 di bawah peruntukan Kerajaan Pusat, iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Oleh itu, saya ingin mengetahui apakah status terkini mengenai projek tersebut? Saya amat berharap agar Kerajaan Sarawak dapat menggesa KKDW untuk mengutamakan projek ini.

Jalan Sim pang "T" Kanowit

Tuan Speaker, isu sim pang "T" Kanowit ke Pekan Kanowit. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Sarawak atas keprihatinan kerana telah memberi maklum balas untuk isu di kawasan saya ini. Mengikut maklumat yang telah diperolehi, dinyatakan secara bertulis bahawa agensi akan mengambil maklum cadangan dan akan membuat penambahbaikan seperti menambah papan tanda lalu lintas dan jalur rentas kuning bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di sim pang "T" Kanowit ke Pekan Kanowit di bawah RMK-13 untuk dipertimbangkan.

Oleh itu, saya ingin mengetahui apakah status terkini mengenai projek tersebut? Apakah skop kerja terperinci projek tersebut? Jadi, amat besarlah harapan saya agar projek ini diluluskan dengan secepat mungkin kerana kerap berlakunya kemalangan jalan raya di kawasan tersebut.

Projek Transformasi Luar Bandar (RTP)

Tuan Speaker, kita sedia maklum bahawa Projek Transformasi Luar Bandar (RTP) adalah bukti serta usaha Kerajaan Sarawak untuk memastikan masyarakat terutamanya masyarakat di luar bandar dilengkapi dengan kemudahan asas yang selesa menjadikan kawasan luar bandar sebagai kawasan yang mempunyai keistimewaan dan keunikan sendiri. Terima Kasih, Kerajaan Sarawak.

Tuan Speaker, dengan ini saya mewakili semua rakan ADUN saya di Dewan yang mulia ini agar Kerajaan meningkatkan peruntukan untuk (RTP) Projek Transformasi Luar Bandar. Ini adalah berikutan dengan peningkatan kos binaan dari tahun ke tahun dan peningkatan dalam gaji buruh kasar. Secara realitinya, peruntukan RTP ini masih kekal sama seperti tahun 2018 yang dahulu. Saya berharap agar kerajaan mendengar dan memberi perhatian serta tindakan terhadap permintaan yang diusulkan ini.

*Penubuhan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan
Pembungkusan Produk Pertanian (CPPC)*

Seperti di kawasan-kawasan DUN yang lain yang mempunyai Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan Produk Pertanian (CPPC), saya juga berharap agar Kementerian Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak dapat mempertimbangkan penubuhan CPPC di Kanowit. Ini pasti dapat membantu para petani atau penternak di kawasan Kanowit untuk memasarkan produk-produk mereka sekali gus meningkatkan pendapatan mereka dan menaiktarafkan hidup mereka.

Dengan kesimpulan, Tuan Speaker, saya dengan sukacitanya menyatakan bahawa saya memberi sokongan penuh kepada Belanjawan 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak. Dengan Belanjawan 2025 ini, Kerajaan Negeri telah membuktikan bahawa Gabungan Parti Sarawak merupakan kerajaan yang sentiasa komitmen kepada menyasarkan membantu dalam pembangunan di Sarawak secara menyeluruh. Akhir sekali, dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Natal dan Selamat Tahun Baharu 2025. Terima kasih.

Timbalan Speaker: Okay, Yang Berhormat. Saya persilakan, Honourable Member for Baleh.

YB Encik Nicholas Kudi anak Jantai: Terima kasih, Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (2025), 2024. Saya juga berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak atas pembentangan belanjawan bagi tahun 2025 yang disifatkan sebagai menyeluruh dengan memberi fokus kepada kawasan pedalaman yang masih kekurangan keperluan asas demi untuk memacu pertumbuhan ekonomi Sarawak dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya. Kerajaan Sarawak telah memperuntukkan belanjawan bagi tahun 2025, iaitu RM15.8 bilion dengan anggaran pendapatan Sarawak adalah sebanyak RM14.2 bilion.

Berdasarkan jumlah peruntukan ini, RM4.9 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM10.9 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Pertambahan peruntukan belanjawan bagi tahun 2025 sebanyak RM2.2 bilion atau 16% berbanding belanjawan tahun 2024 sebanyak RM13.6 bilion. Bajet kali ini adalah yang tertinggi di dalam sejarah Sarawak. Sumber pendapatan utama Sarawak 2025 dengan anggaran hasil perolehan Sarawak diperolehi daripada pelbagai sumber utama melalui hasil cukai iaitu sebanyak RM6.2 bilion, manakala hasil bukan cukai pula sebanyak RM7 bilion manakala geran dan bayaran balik Persekutuan berjumlah RM937 juta. Ini merangkumi Geran Khas Sementara Sarawak daripada RM300 juta kepada RM600 juta berkuat kuasa pada tahun hadapan.

Bajet bagi tahun 2025 kali ini akan memberi pemfokusan 62% kepada inisiatif pembangunan luar bandar dengan tema Belanjawan Sarawak 2025 ialah, "Bersama Membina Masa Depan Yang Makmur". Dengan berlandaskan lapan teras strategik Belanjawan Sarawak 2025, saya percaya Sarawak akan berjaya menuju ke arah negeri yang maju dan makmur pada 2030 melalui mentransformasi dan mempelbagaikan ekonomi Sarawak, menjadikan Sarawak sebagai destinasi pelaburan utama dan mempromosikan pembangunan melalui perusahaan kecil dan sederhana (PKS), memperkukuh bakat dan pembangunan pendidikan, mempercepatkan transformasi dan inovasi digital, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memastikan pembangunan inklusif, mempromosikan kebudayaan, sukan dan pemeraksaan belia, meningkatkan kelestarian alam sekitar, memperkukuh penyampaian dan kapasiti perkhidmatan awam.

Tuan Speaker, izinkan saya untuk menyentuh isu-isu di kawasan.

Peruntukan untuk Mengukur Perimeter Tanah NCR

Saya mohon agar peruntukan untuk mengukur perimeter tanah NCR juga perlu diambil perhatian kerana masih banyak permohonan daripada pemilik tanah NCR di kawasan saya menunggu untuk disukat. Peruntukan yang sedia ada masih tidak mencukupi untuk menangani permintaan semasa serta kekurangan kakitangan untuk melakukan kerja-kerja di lapangan.

Kita sedia maklum ketika ini, melakukan kerja-kerja penyukat ini memerlukan tenaga kerja yang banyak dan kita tahu bahawa kawasan Baleh dan Kapit amnya mempunyai keluasan kawasan yang amat luas. Oleh sebab itu, kita perlu mencari kaedah dan inisiatif lain dengan melantik juruukur yang bertauliah dan berlesen untuk turut membantu turun padang agar kerja-kerja mengukur perimeter ini boleh diselesaikan lebih cepat dan dipermudahkan.

Pusat Pertumbuhan Desa (Rural Growth Centre)

Bagi menjana pendapatan setempat terutamanya di kawasan luar bandar dan terpencil seperti Baleh, saya sangat berharap Pusat Pertumbuhan Desa ataupun singkatannya RGC (*Rural Growth Centre*) dilaksanakan di kawasan terpilih dan strategik di Baleh. Saya sangat yakin dan optimis Pusat Pertumbuhan Desa ini mampu merancakkan lagi industri pertanian, penternakan dan perikanan untuk penduduk setempat. Ini secara tidak langsung akan dapat menjana pendapatan untuk mereka.

Selain membuka peluang ekonomi, Pusat Pertumbuhan Desa ini juga dapat menjadi *One Stop Centre* bagi penduduk setempat menjual hasil pertanian, penternakan dan perikanan mereka mengikut harga semasa tanpa melalui orang tengah. Kawasan tanah di Baleh juga kebanyakannya subur dan amat sesuai dijadikan pusat tanaman berasaskan makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, cili dan sebagainya. Penternakan ikan, udang air tawar secara komersil juga sangat sesuai. Saya sangat berharap Kerajaan Sarawak dan Jabatan Pertanian dapat mempertimbangkan permohonan saya ini untuk menubuhkan Pusat Pertumbuhan Desa di kawasan Baleh bagi menjana pendapatan penduduk setempat terutamanya untuk kawasan luar bandar dan terpencil seperti Baleh.

Bencana Alam

Tuan Speaker, saya sangat berterima kasih kepada Kerajaan Sarawak kerana telah memperuntukkan sebanyak RM55 juta untuk Bantuan Am, Bantuan Bencana, Bantuan Perubatan, Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dan Bantuan Belia-Beliawan. Kejadian bencana alam kini boleh berlaku pada bila-bila masa dan tidak lagi mengikut musim tertentu terutamanya musim monsun. Keadaan cuaca pada masa sekarang ini tidak menentu, selalu berlaku banjir besar walaupun diluar jangka waktu monsun. Merujuk kepada kejadian pada bulan April 2024 yang lepas, Rumah John anak Katil, Karangan Ara, SK Temenggong Koh, SK Nanga Sempili dan SK Nanga Kain terjejas teruk akibat banjir besar. Kita telah menghantar permohonan bantuan untuk mengurangkan kerugian akibat banjir tersebut, namun permohonan tersebut tidak diluluskan kerana banjir tidak berlaku pada musim monsun.

Jika hujan lebat turun tidak berhenti atau berlarutan beberapa hari, ianya akan mengakibatkan banjir besar dan berkemungkinan juga akan mengakibatkan jalan rosak teruk ataupun putus lebih-lebih lagi melibatkan jalan tanah atau jalan balak walaupun ia diselenggara dengan baik sekalipun ia tetap akan menjadi masalah apabila hujan turun tanpa henti. Yang lebih merisaukan lagi, rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman terutamanya di kawasan saya didirikan di tebingan sungai kerana sebelum ini pengangkutan utama kami adalah menggunakan sungai sahaja. Jika selalu berlaku ataupun kerap berlakunya banjir besar ini ianya akan mengakibatkan tanah runtuh terutamanya di tebingan sungai dan kemungkinan besar rumah-rumah panjang ini juga turut terkesan.

Tuan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Baleh terdapat beberapa kejadian tanah runtuh yang melibatkan beberapa rumah panjang iaitu:

- (a) Rh. William Gima, Nanga Sebiro;
- (b) Rh. Kenedy, Nanga Sebilat, Gaat;
- (c) Rh. Bawang Nanga, Selaut;
- (d) Rh. Weng, Nanga Sempurau; dan
- (e) beberapa buah rumah panjang lagi.

Di mana kerosakan melibatkan struktur rumah panjang dan ada di antaranya menunggu untuk runtuh dan tidak selamat untuk diduduki. Oleh yang demikian, banyak permohonan dari kawasan saya untuk membina tembok penghadang hakisan memerlukan perhatian kerajaan seberapa segera yang mungkin.

Jalan Perhubungan Luar Bandar

Tuan Speaker, jalan perhubungan di kawasan saya di Baleh masih lagi bergantung penuh dengan jalan balak. Suatu ketika jalan-jalan balak ini masih dalam keadaan baik kerana sentiasa diselenggara oleh syarikat balak yang beroperasi di kawasan tersebut. Namun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini keadaan jalan ini semakin rosak teruk dan tidak lagi selamat digunakan oleh orang awam.

Terdapat beberapa konsesi balak yang aktif di kawasan tersebut namun namun kurang memberi kerjasama untuk menyelenggara jalan-jalan menuju ke rumah panjang. Mereka memberi alasan bahawa produktiviti mereka sekarang berkurangan dan tidak dapat menampung belanja bagi kegunaan untuk menyelenggara jalan menuju ke rumah-rumah panjang. Lebih serius lagi jika musim hujan, banyak jalan-jalan tanah yang terputus akibat tanah runtuh, jambatan dan *culvert* banyak telah rosak dan roboh kerana kayu yang digunakan untuk membinanya telah mereput.

Jalan-jalan yang terjejas ini adalah melibatkan beberapa rumah panjang dan sekolah-sekolah seperti berikut:

- (a) Jalan ke Rumah Nading, Nanga Selentang, Gaat;
- (b) Jalan ke Rumah Sagen, Nanga Ajan, Gaat;
- (c) Jalan ke Rumah James Saka / Rumah Further, Nanga Tiau / SK Nanga Tiau, Mujong;
- (d) Jalan ke Rumah Naga / Geramong, Nanga Sipoh, Mujong / SK Mujong Tengah / Rumah Minggu, Nanga Sepasir / Rumah Peter, Rantau Bidai dan Rumah Sengiang Usat, Wong Pantu, Mujong; dan
- (e) Jalan menuju ke Rumah Tinggom, Ulu Mujong / Rumah Jos, Nanga Selemas / Rumah Sengiang, Nanga Ikah.

Kawasan-kawasan ini di luar bidang kuasa pihak Jabatan Kerja Raya kerana masih berada di dalam lingkungan konsesi balak aktif. Kita perlu mencari jalan penyelesaian tentang perkara-perkara ini supaya jalan-jalan yang masih di dalam seliaan syarikat konsesi balak ini dapat di selenggara dan dibaik pulih dengan segera agar selamat digunakan oleh orang awam.

Saya mengesyorkan agar Jawatankuasa Khas Penyelenggaraan Jalan ditubuhkan untuk menangani masalah jalan terputus akibat tanah runtuh dengan kadar segera supaya tidak mengganggu aktiviti harian lebih-lebih lagi jika berlaku kecemasan.

Tuan Speaker, jika selama ini kita selalu mendengar masalah sekolah daif, tapi kali ini saya ingin mengutarakan juga masalah Klinik Desa yang daif di kawasan saya N.64 Baleh. Terdapat tujuh buah Klinik Desa di kawasan saya iaitu:

- (a) Klinik Kesihatan Nanga Melinau;
- (b) Klinik Kesihatan Nanga Sekeroh;
- (c) Klinik Kesihatan Nanga Gaat;
- (d) Klinik Kesihatan Nanga Merirai;
- (e) Klinik Kesihatan Nanga Entawau; dan
- (f) Klinik Kesihatan Skim Tunoh.

Keadaan klinik dan kuarters-kuarters untuk staf menginap semakin uzur dan perlu diperbaiki untuk keselesaan kakitangan Jabatan Kesihatan yang bekerja di klinik-klinik yang berada di kawasan pedalaman. Walaupun mereka tinggal di kuarters yang serba kekurangan namun mereka tetap berkhidmat dengan baik di tempat masing-masing. Saya cukup terharu dan berterima kasih di atas semangat kental mereka untuk terus berkhidmat di kawasan pedalaman.

Isu Kesihatan Penduduk di Luar Bandar.

Isu kesihatan penduduk-penduduk yang tinggal di luar bandar juga perlu diberi perhatian. Baru-baru ini wujud kegusaran dalam kalangan penduduk di Baleh berhubung dengan penyakit yang melibatkan kuman tanah atau *meliodosis* yang berpunca daripada aktiviti di sungai. Hospital Kapit telah menerima kes kuman tanah dan kencing tikus yang tinggi setakat ini.

Penduduk di kawasan saya masih bergantung penuh kepada sungai sebagai sumber serta kegunaan harian seperti memasak, mandi dan sebagainya. Malah sumber air paip graviti di salur terus dari sungai-sungai yang berdekatan dengan rumah panjang. Namun, kualiti air sungai kini tidak seperti suatu ketika dahulu. Dahulu kita boleh mengambil air terus dari sumber untuk diminum dan memasak tanpa menghiraukan kewujudan kuman tanah dan bakteria yang terkandung di dalam air sungai yang kita ambil.

Oleh itu, saya mohon agar pihak kerajaan mengambil berat akan perkara ini dan mengesyorkan agar pihak Jabatan Kesihatan perlu mengadakan program kesedaran dan pencegahan berkenaan penyakit yang berpunca daripada tanah dan air ini.

Tuan Speaker, dengan ini saya mengakhiri perbahasan dengan menyokong penuh Rang Undang-Undang Pembekalan Tahun 2025 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dan berharap agar perbelanjaan tersebut dapat meningkatkan ekonomi serta mensejahterakan rakyat Sarawak.

Sebelum mengundur diri saya ingin mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada rakan- rakan Kristian dan Selamat Tahun Baru kepada semua warga negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya mempersilakan, Honourable Member for Pelagus.

YB Encik Wilson Nyabong anak Ijang: Terima kasih, Tuan Speaker, thank you for giving me the opportunity to participate in this august House on the debate motion of the Supply (2025) Bill, 2024, also as known as the Sarawak Budget 2025 presented by our Right Honourable Premier of Sarawak.

I commend our YAB Premier in presenting an expansionary and biggest ever budget with RM486 million surplus for 2025, setting projected revenue at RM14.4 billion and Ordinary Expenditure of RM13.7 billion. The 2025 budget meticulously crafted to ensure that development touches every corner of Sarawak and bridges gaps between urban and rural areas to propel Sarawak towards a future where prosperity is not just a dream for the few but a reality for all. The Budget continues to be expansionary to boost government's spending that will further stimulate Sarawak's economic growth, while making substantial investment in infrastructure placing the well-being of the rakyat at the forefront of the priorities.

The proposed RM10.9 billion allocation for development marks Sarawak largest development Budget to date. The Budget highlighted by our Premier continue to provide allocation to key sector to accelerate economic development and eventually make Sarawak's economy strong, robust and resilient.

Rural Growth Centre (RGC)

Tuan Speaker, since 2015 delineation of state constituencies, Pelagus no longer has a town as Nanga Merit sub-district is currently under the Belaga constituency. Therefore, I propose once again for the establishment of the Rural Growth Centre (RGC) at Nanga Pelagus, which would serve as a gateway to Merit, Anap, Sangan, Bintulu and Belaga.

CPPC / Agrofood Terminal

Tuan Speaker, I appreciate our YAB Premier's recognition of the importance of an efficient marketing supply chain with RM8 million allocated in 2025 to support the CPPC / Agrofood Terminal initiative. I invite the Sarawak Government to consider the construction of the Kapit CPPC / Agrofood Terminal since we have land available for the development.

Roads and Connectivity and Bus Terminal

Tuan Speaker, connectivity of rural roads and bridges are extremely important for rural areas especially for Pelagus constituency.

During our last Dewan Undangan Negeri sitting, I highlighted the need for new roads to link Sungai Amang bridge and Sungai Sut connecting to Jalan Antaroh, as well as from Rumah Mengga Batang Rajang to Rumah Theophilus Unan, Rumah Nyangon, Rumah Umping and Rumah Sigang of Nanga Bawai, Kapit.

Strengthening the connectivity of these routes will benefit the local communities and create new economic development opportunities for the Pelagus constituency. It is my great hope that our Sarawak Government will address these issues and expedite their implementation.

Tuan Speaker, on behalf of the people in Kapit, especially those in Pelagus, I express deep gratitude to our Premier and the Sarawak Government for allocating RM1 million for the construction of a bus terminal in Kapit. However, I believe that this amount may not be sufficient to meet the project's needs.

Given the anticipated needs and potential impact of the bus terminal in Kapit, I respectfully request additional funding for Kapit bus terminal to ensure it fully meets the community's needs as a safe and efficient transport hub. A higher allocation would significantly enhance its benefits for the people of Kapit and Pelagus. I am confident that increasing funding will ensure us create a terminal that truly benefits the people in Kapit and supports the long-term growth of our Division.

Upgrading Infrastructure and Basic Necessities

The Pelagus constituency requires significant infrastructure upgrading and essential services, including road improvements, better connectivity between rural areas and main routes, access to treated water, a reliable 24-hour electricity supply, and expanded 5G internet coverage.

Currently, the infrastructure and essential services are insufficient. We must continue extending the road network to ensure that every village and longhouses is connected.

Regarding basic necessities, while clean water is available, not all of it is treated. Similarly, although electricity is accessible in some areas, others still lack grid connectivity and are forced to rely solely on solar power but all the time it be interrupted and the power is chaos.

Schools in Dilapidated Condition

Tuan Speaker, rural schools hold a special place in my heart, as we want our students and teachers to have safe and suitable learning environments. In September, I was visited SK Nanga Bena in Sungai Sut with Federal Minister of Works, Dato Sri Alexander Nanta Linggi who is our Member of Parliament for Kapit, we were witnessed the extensive flood damage, which had submerged the school up to the roof and worsened its already dilapidated condition.

Built in 1963, SK Nanga Bena is beyond repair and needs complete rebuilding, including classrooms, dormitories and school quarters. The safety of students, teachers and staff in all are deteriorating schools requires urgent attention by the ministries.

I extend my gratitude to our Sarawak Premier and the Ministry of Education, Innovation and Talent Development to stepping in with RM100 million to repair those schools and another RM100 million for rural clinics, with a completion outline of 18 months.

TEGAS

Tuan Speaker, I would like to touch on TEGAS. For the benefit with the permission of Tabung Gagasan Ekonomi Rakyat Sarawak (TEGAS). TEGAS is a charitable trust dedicated to promoting TVET empowering talent development through STEM education and digital innovation and digital entrepreneurship ecosystem in Sarawak. Since the establishment of TEGAS, many programmes such as Sarawak career and training (Scat) fair is very popular among our community and students and also the seminar hala tuju pendidikan TVET; TVET with you, TEGAS startup Lab (TSL) and many more programme to being organize by TEGAS in the coming year. Besides that, the digital innovation hub and digital village are being launch throughout Sarawak.

Conclusion

Tuan Speaker, in conclusion, I express my strong support for the Sarawak Supply Bill (2025), 2024, or the Sarawak Budget 2025. Thank you to all the ministries and agencies involved for their collaboration in shaping an inclusive Sarawak Budget 2025. Let us rise to meet the challenge of achieving Sarawak's vision of becoming a developed State by 2030.

I would like to extend my heartfelt congratulations and gratitude to Tuan Speaker for his wisdom and steadfast commitment to maintaining dignity and decorum in the proceedings of this Honourable House.

I also take this opportunity to wish all Sarawakians a joyful upcoming school holiday season and a very Merry Christmas 2024 to all Christians celebrating Christmas.

In closing, I am inspired to echo the words of our Premier in presenting the Sarawak Budget 2025. *"Sarawak mansang maju sereta diberkat nitih cuan kitai empu"*.

With this, Pelagus fully supports this, Bill. Thank you very much, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Thank you, Yang Berhormat Pelagus. Honourable Member for Stakan.

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahimi: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih Tuan Speaker kerana memberi ruang dan peluang kepada saya bersama dengan rakan-rakan lain bagi membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) yang dibentangkan oleh YAB Premier beberapa hari lepas.

Tuan Speaker, YAB Premier telah menggariskan strategi yang begitu kukuh sekali. Sejak mengambil alih tampuk kepimpinan Sarawak, beliau telah menekankan kepada ekonomi digital. Sudah beberapa tahun kita mencatatkan *surplus budget* pendapatan negeri yang tinggi beberapa tahun yang lepas dan YAB Premier juga telah berkali-kali madah *"kinetok negeri kita udah berpendapatan tinggi, objektifnya kinetok, camne nak nyuruh rakyatnya berpendapatan tinggi juak?"*.

Untuk memastikan rakyat kita mempunyai pendapatan yang tinggi, antara strateginya adalah mewujudkan kerja-kerja yang bagus untuk anak-anak muda, menyediakan keadaan ekonomi yang mampan dan membolehkan perniagaan berkembang, memastikan kestabilan politik dan ekonomi agar pelabur-pelabur luar *sik takut* nak datang ke Sarawak dan terus datang ke Sarawak melabur.

Tuan Speaker, saya menyentuh beberapa aspek di dalam budget YAB Premier khususnya dalam pembangunan pendidikan. Dan untuk mendapatkan kerja-kerja yang bagus, kita harus

melengkapkan anak-anak kita dengan ilmu pengetahuan di semua peringkat, sekolah, universiti, institusi, teknikal, kursus jangka masa pendek dan panjang dan sebagainya.

Bajet kali ini amatlah komprehensif sekali dan selari dengan strategik untuk memastikan Sarawak dapat melahirkan modal insan yang berilmu dan mampu berdaya saing. Peruntukan disediakan untuk membangunkan pelajar-pelajar kita di pelbagai peringkat daripada anak kita tadika hingga habis proses pembelajaran dan mendapat topi segi empat, Tuan Speaker, mana yang berkelayakan.

Tuan Speaker, selain daripada itu, salah satu fokus yang sering ditekankan oleh kepimpinan kita adalah pembangunan infrastruktur luar bandar. Pembangunan infrastruktur akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan saya menyokong 100% agar penekanan perbelanjaan kita diberikan kepada pembangunan infra luar bandar.

Sejak kepimpinan YAB Premier kita, pembangunan infra luar bandar semakin dipertingkatkan lagi. Duit berbillion dibelanjakan untuk pembangunan luar bandar seperti bekalan air bersih, bekalan elektrik, jaringan telekomunikasi, jalan raya, jambatan dan infra sokongan pertanian.

Antara impak positif yang dibawa oleh pembangunan *tok* adalah:

- (a) Kos pengangkutan akan menjadi lebih murah, *doloknya mun* kita pergi ke Sibu *driving*, 5 jam *nya dah teror* Tuan Speaker, mungkin 6 jam, mungkin 7 jam jadi *kinetok* mungkin kita boleh dapat *less than three hours* sebab kita ada *molah coastal highway* dan jambatan.
- (b) So, bila jaringan jalan *tok udah* dan mudah, senang bagi mana *sidak* orang kampung kita yang terlibat dalam *cottage industry* untuk memasarkan produk-produk mereka di pasaran bandar dengan kos pengeluaran berada di kampung.
- (c) Kos sara hidup akan dapat dikurangkan dan menggalakkan penjimatan *household income* atau pendapatan *sidaknya* dapat digunakan untuk riadah dan sebagainya.
- (d) Akses kepada hak asas penduduk luar bandar *tok* semakin mudah seperti akses kepada khidmat kesihatan seperti hospital atau klinik-klinik, akses kepada keselamatan mereka seperti balai polis, akses kepada pendidikan seperti sekolah, IPTA, IPTS, pusat tuisyen dan akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan harian yang lain seperti bank, pejabat-pejabat kerajaan dan sebagainya. Jadi, *kamek urang luar bandar tok* masih *maok* lagi pembangunan dan menyokong penuh usaha YAB Premier kita dalam memperuntukkan bajet yang tinggi bagi luar bandar.

Tuan Speaker, saya amat menyambut baik inisiatif sumbangan keperluan Asas Sarawak (SKAS). Dalam kita menyediakan anak-anak Sarawak kita ke arah mempunyai pendapatan tinggi kelak, kita juga tidak mengabaikan mereka yang sebaliknya. Dengan *cost of living* yang tinggi, sudah pasti mereka mempunyai cabaran dalam memastikan dapur berasap kata *urang* kampung. Walaupun mereka telah pun menerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR), tetapi Kerajaan Sarawak tetap *juak* memberi bantuan melalui SKAS *tok*. Bantuan RM800, RM400 dan RM250 mengikut kelayakan masing-masing. Mana yang layak ya akan *diberik*.

Saya ingin cadangkan *kedung* kita *tok* dah ada SPay dan kebanyakan peniaga-peniaga kita di luar bandar pun ada 'SPay', Tuan Speaker, bantuan ini bolehlah kita salurkan melalui e-wallet 'SPay' penerima kita. Jadi kita memperluaskan penggunaan 'SPay' *tok* di peringkat dalam bandar semestinya dan luaskan jaringan *tok* di luar bandar. Mana tempat yang *sikda* jaringan internet, saya mohon agensi-agensi berkenaan supaya membuat usaha dan kerja-kerja agar dapat menambahkan jaringan internet supaya 'SPay' *tok* dapat diguna pakai di kawasan luar bandar.

Cuma Tuan Speaker, saya minta kerajaan *tok*, supaya jangan di engkah di tempat yang *sik betul*, takut di engkah dalam *kedey 4D* kelak. Mati Sarawak, ya ajak ditakut. Engkah di tempat-

tempat yang sesuai, Tuan Speaker. Ini cadangan saya. Saya percaya ada yang nakal-nakal, sik semua. Takut kelak bajet beli beras pegi ke tempat ya, susah kita kelak.

Pembangunan Kawasan Perumahan

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh beberapa isu kawasan saya, pembangunan perumahan dalam kawasan saya Stakan. Kelulusan pembangunan perumahan dalam kawasan Stakan *ari tok*, semakin *sari* semakin bertambah. Minggu *tok* kita lalu tempat ya kosong, minggu depan *dah* ada orang *molah* tapak perumahan. Seolah-olah tidak terkawal, Tuan Speaker.

Bukan apa, saya tidak menolak pembangunan. Isu ini sering saya suarakan dalam perbahasan sebelum ini tapi hakikatnya, apabila pembangunan ini dibuat secara tidak terkawal, saya risau isu-isu berkaitan akan timbul. Masalah kesesakan lalu-lintas, masalah perparitan, banjir dan sebagainya. Kerana *ujung* ceritanya, Tuan Speaker, wakil rakyat akan disalahkan. Dan saya percaya perkara ini banyak berlaku di dalam kawasan-kawasan rakan-rakan lain termasuk jiran saya di Muara Tuang. Ini pandangan saya, Tuan Speaker. Saya rasa Tuan Speaker pun setuju.

Jadi, contohnya, apabila kelulusan perumahan dibuat di sesuatu tempat, mungkin kuota untuk membuat *high level water tank* hanya diperuntukkan pada jumlah tertentu. Tetapi kelulusannya dibuat secara berperingkat. Katakan 300 buah rumah, tidak perlu *high level water tank*. Tapi dalam masa yang sama, dilulus lagi 300, 300, 300 sehingga menjadi 3,000. Dan ini akan mengakibatkan masalah tekanan air di dalam kawasan tersebut, Tuan Speaker.

Jadi saya minta kalau ada kelulusan itu janganlah dibuat secara begitu dan pastikan tambahan kelulusan perumahan mestilah disusuli dengan syarat-syarat yang wajib dikenakan untuk sesuatu pembangunan.

Dewan/ Kompleks Sukan Serbaguna

Tuan Speaker, ada perkara lain saya mengharapkan pada Kerajaan Negeri. Saya pernah memohon sebelum ini, Tuan Speaker, berkenaan dengan kompleks bangunan sukan dalam kawasan Stakan.

Kita berbangga SUKMA kita juara, kita juga berbangga mungkin Sukan SEA kita akan terlibat sama. Tapi Stakan lebih gembira kalau Dewan Sukan kita dibuat dalam kawasan atlet Stakan. Selepas ini, mungkin Stakan akan melahirkan banyak atlet untuk mewakili negara kalau dibuat kompleks sukan dalam kawasan Stakan, Tuan Speaker. Insya-Allah.

Skim Penempatan Kampung Baharu

Saya juga mengaitkan tentang skim penempatan kampung baharu. Saya pernah memohon sebelum ini dan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menyediakan penempatan terancang bagi penduduk kawasan komuniti luar bandar. Sebab kawasan Stakan ini, saya nak sebut luar bandar boleh, dalam bandar pun boleh. Jadi, kami di Stakan mengharapkan Kerajaan Negeri dapat meluluskan skim penempatan kampung baharu supaya saya bersama dengan rakan-rakan dalam pihak kerajaan dapat menyusun atur keperluan-keperluan anak-anak muda yang telah berkeluarga.

Sebab di dalam satu rumah, di dalam kampung, kadang-kadang sebuah rumah, ada tiga keluarga. Tiga keluarga belum campur anak-anaknya lagi. Anak-anak tidur di dalam ruang tamu. Jadi, perkara ini tidak begitu positif untuk kita membuat satu keluarga yang bahagia. Sebab di dalam rumah sudah pasti ada perkara-perkara yang sensitif yang tidak boleh kita kongsi bersama-sama dengan keluarga-keluarga yang lain.

Tuan Speaker, penempatan baharu terancang ini akan dapat mengurangkan kepadatan penduduk di kampung dan meningkatkan kualiti hidup dengan ianya dapat menyokong pembangunan ekonomi *sub urban* dengan menjadikan pusat ekonomi baru yang melibatkan

pelbagai aktiviti ekonomi seperti pertanian, pengusaha kecil sederhana (SME) dan pelancongan komoditi serta mewujudkan peluang pekerjaan melalui pembangunan infra di kawasan baharu ini sekali gus mengelakkan orang-orang muda untuk berpindah-randah.

Land Bank

Satu lagi, Tuan Speaker, saya pernah sebut benda ini sebelum ini berkenaan dengan *land bank*. Banyak tanah-tanah kosong dalam kawasan Stakan pada hari ini. Walaupun kosong, tapi ada tuan punya tanahnya. Bukan orang kampung, bukan orang sekitarnya, tapi individu-individu dan syarikat-syarikat besar yang mempunyai tanah dalam kawasan Stakan tapi cuma terbiar. Jadi saya mencadangkan Kerajaan Negeri, mana-mana tanah yang melebihi 10 tahun tidak diusahakan, ambil balik tanah ya sebab kita di Stakan *tok nak molah* kubur pun susah, Tuan Speaker. Kubur berdiri mungkin boleh tapi polah bertingkat-tingkat. Itu teknologi baharu. Tapi saya *sik tauk* agama membenarkan atau tidak, saya *sik sure*. *Sik boleh aar*, tapi itu satu kemudahan yang perlu dan wajib pada kita, Tuan Speaker. Dan *land bank* ini dipunyai oleh orang kadang-kadang *nya sik* diam di Sarawak. Mereka menunggu satu ketika harganya tinggi dan mereka menjana keuntungan daripada *land bank* ini. Dan hasrat saya, kalau boleh Kerajaan cuba nilai balik, kalau perlu *ambik* kita *ambik*, kerana itu adalah keperluan rakyat pada masa sekarang.

Regata Sarawak

Tuan Speaker, saya menyentuh pasal isu Regata Sarawak. Saya *tok* peminat regata. Yang Berhormat Lingga, Yang Berhormat Kalaka, dan kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat, *sik* secara langsung terlibat dengan regata apabila pasukan dalam kampungnya minta derma dan sebagainya. Dan saya secara peribadi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada agensi-agensi khususnya menjadi Jawatankuasa Penganjur Regata Sarawak pada 1^{hb} hingga 3^{hb} bulan ini. Kerana apa, regata ini secara tidak langsung semua masyarakat luar bandar hadir di Kuching pada hari tersebut. Kerana itulah sukan yang menjadi kegemaran mereka, sukan rakyat.

Jadi saya menyarankan Kerajaan Negeri, kalau boleh diberi peruntukan lebih lagi kepada jawatankuasa penganjur kerana pada hari tersebut rata-rata adik kakak semua daripada luar bandar berkampung di Bandaraya Kuching sehinggakan, Tuan Speaker, hotel-hotel semua penuh. Saya difahamkan ada yang dah *booking* hotel, dari bulan empat pun ada. Dan ini adalah sukan rakyat. Tradisi yang kita buat selama beratus tahun dan kita harus kekalkan program sebegini supaya rakyat semua dapat merasai keseronokan program regata pada masa yang akan datang. Insya-Allah.

PETRONAS

Tuan Speaker, saya dalam semenjak dua menjak *tok*, kita sering melihat banyak orang *bekelaka* dalam media sosial, Facebook, dalam TikTok berkenaan dengan isu PETRONAS dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Izinkan saya menyentuh serba sedikit perkara ini, Tuan Speaker. Ada kebanyakan daripada mereka telah memberi pandangan yang agak salah, agak sensitif dan sebagainya. Berkenaan isu hak ke atas gas (penjualan) seperti yang dibincangkan bersama PETRONAS, keperluan perjanjian dimeterai secara cepat harus dibuat secara cepat. Sebelum ini, 94% gas dari Sarawak dieksport ke Korea dan Jepun. Kita perlu gas ini untuk keperluan pelaburan di dalam Sarawak.

PETRONAS dilihat seolah-olah *sorong tarit* dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam memuktamadkan hal ini. Kita minta supaya Kerajaan Pusat dan juga PETRONAS secara serius dan condong secara positif segera menyelesaikan isu perjanjian ini. PETRONAS *jangan sekejap okay, sekejap tunggu, sekejap okay, sekejap madah kelak lok, sekejap setuju dalam mesyuarat, sekejap madah perlu dibincangkan lagi*. Saya mencadangkan Kerajaan Negeri Sarawak bertindak lebih agresif ke atas isu penyelesaian perjanjian ini dan memanfaatkan landskap politik negara semasa. Terlalu banyak memberi memanfaatkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak sekiranya perjanjian dapat dimeterai.

Gas Aggregator

Tuan Speaker, pasal gas aggregator. Banyak orang kampung apabila berjumpa dengan kita tok, apa gas aggregator yang selalu disebut oleh Yang Berhormat Sebuyau. Aggregator bukan alligator, alligator boyak saya madah. Saya ingat Tuan Speaker lagi faham, ada orang fikir apahal kita kelaka hal boyak, bukan aggregator. Jadi menyentuh berkenaan pelantikan PETROS sebagai gas aggregator Sarawak, pendirian Kerajaan Sarawak adalah PETROS merupakan gas aggregator tunggal. Ini bermaksud, *sik* ada orang lain yang menjadi gas aggregator selain PETROS di negeri Sarawak.

Undang-undang ini telah berkuat kuasa awal tahun ini dan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi, iaitu Ahli Yang Berhormat Sebuyau telah menyebut berulang-ulang kali kita sudah memberi *injury time* sehingga 31 Oktober 2024 untuk PETRONAS membuat keputusan dan bersetuju dengan perkara yang telah kita bincangkan melalui Distribution of Gas Ordinance, 2016. *Tok dah bulan 11*, Tuan Speaker. Masa dah habis tapi PETRONAS masih juga, seolah-olah kita tok budak kecil *ditangga daknya*. Saya ingin menekankan dan saya ingin menggesa agar PETRONAS menghormati dan akur kepada undang-undang Sarawak.

PETRONAS seperti syarikat-syarikat lain yang beroperasi di Sarawak terikat dengan undang-undang Sarawak. *You are not above the law!* Jadi, PETRONAS harus patuh. Jangan *bengkeng*, jangan *entigai kata kamek orang sinun*. Jangan menghina undang-undang Sarawak kerana semua orang lain patuh.

Kerajaan Sarawak dan YAB Premier *dah nyebut* bahawa hal ini telah selesai dalam perbincangan secara kawan tetapi selepas itu PETRONAS mengeluarkan kenyataan mengatakan perkara ini belum selesai. Ini seolah-olah memperlekehkan Kerajaan Sarawak seolah-olah kita *bebulak* walhal memang telah selesai tetapi PETRONAS tok sentiasa berdolak dalih.

Tuan Speaker, janganlah hanya keangkuhan, kedegilan dan *kebengkengan* PETRONAS tok *tadik* mengganggu gugat hubungan Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan. Kita sedia maklum bahawa pengorbanan Kerajaan Negeri Sarawak di bawah pimpinan GPS, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Premier kita. Kita telah membuat pengorbanan yang begitu besar kepada kerajaan pada hari ini dan kita telah bersetuju, berunding satu ketika, kita terpaksa menerima lawan kita semata-mata untuk kita menubuhkan Kerajaan Persekutuan sebelum ini. Jadi apakah Kerajaan Persekutuan melihat kita ini sebagai budak-budak *kecik ajak*. Walhal mereka tahu Kerajaan Sarawak pada hari ini bukan kerajaan 20 tahun yang lepas. Kerajaan Sarawak pada hari ini, sebuah kerajaan yang boleh mengubah landskap politik di dalam Malaysia pada hari ini.

Timbalan Speaker: Okay, Yang Berhormat, *poin* itu bagus sekali tetapi malangnya masa mencemburui Yang Berhormat dan kita.

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahim: Tuan Speaker, sebagai *jiran merik sikit masa*. Saya menyokong Tuan Speaker. Okay, ini boleh berlaku. Tuan Speaker, janganlah sampai Kerajaan MADANI hari ini, Kerajaan MADANI pada hari ini menjadi permaidani yang boleh dipijak-pijak kita lepas tok di Sarawak kerana orang Sarawak tok jangan dimain-mainkan Tuan Speaker. Kita lembut dengan budi bahasa, kita baik menerima tetamu yang datang tapi kita jangan dimain-mainkan. Mereka lupa darah kita Sarawak tok darah Rosli Dhobi, darah kita di Sarawak tok darah Rentap. "*Agi Idup Agi Ngelaban*".

Timbalan Speaker: Gulungkan. Dipersila, terima kasih.

YB Datuk Hamzah bin Haji Brahim: Tuan Speaker, saya gulungkan.

Tuan Speaker, berkenaan dengan perkara-perkara tadi, insentif-insentif kerajaan yang telah disusun atur oleh Yang Amat Berhormat Premier. Saya memohon kepada agensi-agensi pelaksana agar memulakan penerangan lanjut dan lebih *detail* berkenaan dengan inisiatif-inisiatif yang

diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Premier kita. *Sidak* adik kakak kita di kampung sangat gembira dengan usaha Kerajaan GPS *tok* dan mula bertanya “*sine nak memohon? Saya tok layak ka sik? Saya tok janda layak ka sik? Saya tok duda layak ka sik? Saya tok dara layak ka sik?*” Kita *sik maok udah rak-rak* masuk tahun depan *sik* lamak agik baru kita nak mula *meeting* mikir macam *nie nak madah ngan* orang kampung. Jadi saya mohon agensi cari jalan, cari perancangan dan kita memaklumkan, memberi info khususnya pada masyarakat luar bandar. Jadi, saya akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas dan Selamat Tahun Baru 2025.

Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Saya menyokong penuh Rang Undang-Undang Perbekalan (2025), 2024 ini. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum.

Timbalan Speaker: Yang Berhormat, *point* tadi bagus, itu sebabnya saya beri *injury time* panjang sikit *lah*. Tapi, *the next speaker* Yang Berhormat, Honourable Member for Bukit Begunan. *I believe you will be the last one for today because* tidak ada *request* dari yang lain. Silakan Yang Berhormat.

YB Datuk Mong anak Dagang: Tuan Speaker, thank you. Being last one, I hope I have the luxury of time.

Tuan Speaker, first of all I would like to thank Yang Amat Berhormat the Premier of Sarawak which also ADUN for N.26 Gedong for tabling the State Budget 2025 on the 11th of November 2024 with theme “*Together Building a Prosperous Future*”. But before proceeding I wish to congratulate Yang Amat Berhormat the Premier for being bestowed in Raja Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Pertama (P.S.N.B.) which carries the title “*Datuk Sri Setia*” in conjunction with the birthday of the Sultan Brunei Darussalam Ke-78 on 17th July 2024 and also the highest State award from Sabah that is Datuk Sri Panglima Darjah Kinabalu (S.P.D.K) which carry the title “*Datuk Sri Panglima*” in conjunction with the Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Tuan Speaker, I would like to thank the GPS Government under the leadership of Yang Amat Berhormat Premier Sarawak for exceptionally strong economic performance in year 2024 where revenue is projected to reach RM14 billion surpassing expected revenue of RM13.3 billion. Far-sighted vision, economic diversification, systematic execution of plan program begun to reap positive result. Syabas Yang Amat Berhormat Premier.

Tuan Speaker, the strong economic performance in the past years has strengthen the State financial position. As published in the Malaysian Reserve on September, 2nd 2024, the international rating agency, Moody Rating has affirmed the Sarawak rating at A3 with stable outlook. According to the report, the rating affirmation and stable outlook were driven by Sarawak’s sustained credit strength including a robust balance sheet characterized by sizeable fiscal reserve in excess of the state net direct and indirect debt as well as the state government’s track record of prudent physical policies that contribute to its resilience to structural credit challenges. On the other hand, another rating agency, that is Standard and Poor Global Ratings affirms Sarawak at “A-”, local currency LT credit rating and also stable outlook.

Moody Rating and S&P Global Rating are reputable independent rating agencies. The ratings reaffirm the State’s sound financial position. This is testimony that the State is well managed by GPS Government under leadership of Yang Amat Berhormat the Premier. Now, capitalizing upon State strong and resilient position, the government is in better position to further develop, expand and diversify its economic base. The higher the revenue collected; government is in better position to carry out development for the benefit of the *rakyat*.

Tuan Speaker, because of strong and resilience financial position we are witnessing for the year 2025, the largest budget in Sarawak history at RM15.8 billion an increase by 16% compared to this year budget. The year 2025 happen to be the end of the 12th Malaysia Plan period. The budget formulated based on eight strategic thrusts and initiatives will not only speed up the development but will make the State remain competitive besides further strengthened the financial position.

Tuan Speaker, the budget set to lay down a strong foundation to start the forthcoming 13th Malaysia Plan period.

Tuan Speaker, 2025 budget is another development biased and designed with people at heart. Basically, all strata of the society benefited from the budget from student, farmers, and those in B40 group and M40 group.

Now let me touch on matters that are pertinent in my constituency.

Village Extension Scheme

Tuan Speaker, I am happy to note that funding for implementation of resettlement scheme or SPS and village extension scheme is provided for in the budget. Overcrowded in longhouses villages is becoming more serious as population grow. Younger generation whether they are in the city, towns, longhouses having difficulty to find a place to construct the house they can call home. Land is getting scarce and expensive. Thus, the government intervention is required. In this respect and I am grateful and wish to thank the State government to have included Melugu area in Sri Aman under the Village Extension Program or SPSS.

For the information of this august House, I have highlighted several times the plight of settlers at Melugu Scheme. Now, Tuan Speaker, also for the information of this House, Melugu Scheme was set up in 1960 that is about 64 years ago. Which was developed into a large-scale rubber plantation. It was gazetted as the Melugu Scheme Development Area on 17th of May 1973. So, over the years, the family expanded and the area gets densely populated and overcrowded. Based on information from District Office Sri Aman, Melugu settlement is made up of 13 villages, comprised of 233 households and population of approximately 1202 people. There are one primary school and one secondary school serving Melugu and surrounding area.

So based on preliminary study by Department of Land & Survey about 450 head of household need land to build their house. 62 heads of household or 13%, 13.8% falls under the most critical category whereas the rest under medium and less critical. There are cases two or three families living in the same house and this has been causing a great inconvenience to the people in the same house with three families.

In fact, a new site with land size of 52.6 acres within Melugu Land Development Scheme has been identified for Village Extension Scheme programme. Therefore, I hope there won't be any delay in the implementation of project for the benefit of the people in that area.

Rural Electricity Supply

Now, another matter is electricity, Tuan Speaker. Substantial funding is set aside in the budget to supply electricity to rural areas. In Bukit Begunan constituency all villages, longhouses and kampung enjoy 24-hours electricity supply from the grid, SESCO Grid, except;

- (a) Banting, comprised of 10 longhouses which get 24 hours electricity supply from generator set operated by SESCO since 1973;
- (b) Kampung Langgir, electricity supply from solar farm; and
- (c) Kampung Engkerepok, two longhouses, electricity supply from solar farm also.

All the three settlement or longhouses that is Bating, Langgir and Engkerepok are not connected by road then. Now, Bukit Balau/ Banting road is progressing which set to connect Banting to Sri Aman and Engkerepok is now connected by spur road from Sebuyau/ Lingga road. So, I am requesting for the relevant Ministry to kindly consider extend and connect the two settlement Banting and Engkerepok to SESCO main grid so they can enjoy uninterrupted 24 hours electricity supply.

Paddy Cultivation

Tuan Speaker, it is heartening to note that the State Government is taking bold and serious steps to achieve self-sufficiency in rice production. Besides developing a new area for paddy cultivation, rehabilitation of drainage and irrigation system of existing paddy areas is also included in the budget. It is a positive move towards improving land not only for paddy cultivation but other crops like vegetables and corn as cash crop.

In the past, the Agriculture Department implemented paddy scheme which include the construction of drainage and irrigation bund. Due to lack of maintenance, the irrigation system fails to serve its purpose. There are a few areas in my constituency where this scheme was implemented in the past many years. The areas are:

- (a) Bangkong, Pantu;
- (b) Kubau, Pantu;
- (c) Melugu Scheme, Sri Aman;
- (d) Kara, Empili area, Pantu;
- (e) Punggu area; and
- (f) Gua, Sri Aman.

I am requesting for the Ministry concerned to consider rehabilitate the paddy scheme in the area I just mentioned earlier. The area has the potential to produce rice for local consumption.

Tuan Speaker, on related subject matter, I would like to ask the Minister of Food Industry, Commodity and Regional Development, what is the status of the farm or bund road from Lingga to Banting which has the construction has stopped? Though this is Federal funded project, I hope the Minister would be kind enough to highlight the position of this project in this august House.

So, before I conclude, Tuan Speaker, thank you very much, Tuan Speaker, I wish to congratulate Tuan Speaker and all the DUN staff and all the Government department who involved in the running of this Dewan for the excellent manner in which they run the Dewan is being managed during this Sitting. So, Christmas is coming, I wish to wish all Christian community Merry Christmas. New Year is approaching, I wish all of us, inside and outside of this Dewan house, Happy New Year 2025 and for the Chinese who will be celebrating New Year next year, early next year, Happy Chinese New Year. So, with the above comment, I support the Supply (2025) Bill, 2024.

Thank you, Tuan Speaker.

Timbalan Speaker: Thank you, Yang Berhormat Bukit Begunan. Since you are the last one,

*Masuk kerja di awal pagi,
Esok kita berjumpa lagi, Insya-Allah.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, the Sitting is now adjourned, and the House shall resume its Sitting at 9.00 a.m. tomorrow.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.33 petang)